

**Jilid IV
No. 30**



**Hari Khamis
8hb Februari, 1968**

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGAL KEEMPAT
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
4741]**


RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968—

Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Keempat)—

Kepala B. 12 [Ruangan 4768]

Kepala B. 13 [Ruangan 4790]



MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Khamis, 8hb Februari, 1968.

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMMAD GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

Yang Berhormat WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).

- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

Yang Berhormat TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasar Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., K.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ TUAN SULEIMAN BIN ALI (Dungun).

„ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).

„ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).

„ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).

Yang Berhormat **TUAN TIAH ENG BEE** (Kluang Utara).

„ **TUAN TOH THEAM HOCK** (Kampar).

„ **TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD** (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

„ **Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N.** (Pekan).

„ **Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.** (Melaka Tengah).

„ **Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI** (Kedah Tengah).

„ **Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P.** (Batang Padang).

„ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K.** (Ulu Selangor).

„ **Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K.** (Sarawak).

„ **Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN** (Kubang Pasu Barat).

„ **Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB** (Sarawak).

„ **Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN** (Kota Star Utara).

„ **Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K.** (Bagan Datoh).

„ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K.** (Kuantan).

„ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS** (Sabah).

„ **TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN** (Lipis).

„ **DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja** (Kuala Trengganu Selatan).

„ **PUAN AJIBAH BINTI ABOL** (Sarawak).

„ **WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM** (Sarawak).

„ **TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S.** (Sarawak).

„ **TUAN CHAN SEONG YOON** (Setapak).

„ **TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG** (Sabah).

„ **TUAN C. V. DEVAN NAIR** (Bungsar).

„ **DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P.** (Sabah).

„ **TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N.** (Penang Utara).

„ **TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K.** (Sabah).

„ **TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN** (Ulu Kelantan).

Yang Amat Berbahagia **TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N.** (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN YEH PAO TZE (Sabah).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesnuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

RUSOHAN² DI-PULAU PINANG, NOVEMBER, 1967

1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berhubung dengan rusohan² yang berlaku di-Pulau Pinang baharu² ini yang menyebabkan perishtiharan keadaan dzarurat di-buat di-beberapa buah negeri, nyatakan:

(a) berapa ramai orang—

(i) yang terbunuh;

(ii) terchedera parah;

(iii) terchedera ringan; dan

(iv) yang kerugian harta benda;

(b) berapa orang daripada mereka yang di-tangkap itu menjadi Ahli Parti Buroh, Parti Ra'ayat, Parti Islam sa-Tanah Melayu dan ahli Kongsi Gelap.

2. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berhubung dengan kejadian² yang tersebut di-atas, terangkan:

(a) bilangan kaki²tangan polis dan tentera yang terbunuh dan terchedera masing²-nya;

(b) apa-kah tindakan tegas yang telah di-ambil oleh Kerajaan terhadap warganegara² yang menerima kera'ayatan sa-chara berdaftar kerana melakukan kekachauan² yang membawa kepada pertum-pahan darah;

- (c) berapa bilangan orang bukan warganegara yang telah ditangkap dan apa-kah hukuman² yang telah di-jatuhkan ka-atas mereka;
- (d) berapa bilangan orang yang ditangkap atas tuduhan menyebarkan berita² angin yang jahat; dan
- (e) berapa bilangan orang yang ditangkap kerana melanggar perintah² berkurong.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang² yang telah terbunuh, terchedera parah, terchedera ringan, kerugian harta benda dan di-tangkap berikutan dengan kejadian rusohan di-Pulau Pinang baharu² ini ada-lah seperti berikut:

terbunuh—29 orang (4 terbunuh oleh Pasokan Keselamatan kerana melanggar isyarat perintah berkurong), terchedera parah—93 orang; terchedera ringan—136 orang; kerugian harta benda—202 orang yang terbabit; dan kerugian yang di-tafsirkan ia-lah lebih kurang setengah juta ringgit.

Kementerian tidak menyimpan rekod berasingan tentang orang² yang ditangkap mengikut perahlian parti sia-sah mereka, kerana itu tidak-lah upaya saya hendak menjawab pertanyaan.

Bilangan kaki-tangan² Polis dan Tentera yang terbunuh tidak ada dan terchedera parah tidak ada juga dan yang terchedera ringan, Polis 5 orang, tentera 2 orang.

Tindakan yang tegas telah di-ambil oleh Kerajaan terhadap warganegara² yang menerima kera'ayatan sa-chara daftar yang telah terlibat dalam kekacauan² yang membawa kepada pertumpahan darah ia-lah bahawa penyiasatan maseh lagi di-jalankan dengan teliti untuk menarek kembali kera'ayatan-nya yang telah di-beri kepada mereka.

Orang² yang bukan warganegara yang telah di-tangkap dan hukuman² yang telah di-jatuhkan ia-lah yang di-tangkap 113 orang.

Hukuman yang telah di-jatuhkan ka-atas mereka ia-lah di-tahan di-bawah Undang² Menchegeh Jenayah PCO—8 orang; di-tahan di-bawah Undang² Menghadkan Kediaman 10 orang; didenda oleh Mahkamah, 37 orang; tindakan untuk di-buang negeri 4 orang.

Orang² yang di-tangkap atas tuduhan menyebarkan berita² angin yang jahat, 94 orang; orang² yang di-tangkap kerana melanggar perintah² berkurong, 1,072 orang.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini mengakui bahawa keadaan di-Pulau Pinang masa sekarang maseh belum puleh; penduduk² di-situ maseh di-dalam keadaan kebimbangan. Apa-kah langkah yang sedang di-buat di-atas masalaah ini?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mengikut laporan yang diterima sa-takat ini, keadaan di-Pulau Pinang ada-lah berpuleh baik sa-mula, tetapi di-dalam pada itu pasokan Polis selalu berjaga², mengadakan perondaan yang teliti, supaya menchegeh berbangkit sa-mula satu perkara² yang boleh membangkitkan rusohan yang sa-macham baharu berlaku.

Tuan Aziz bin Ishak: Mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri Muda tadi, ia-itu sa-banyak 4 orang telah di-buang negeri, ka-mana-kah negeri² yang mereka itu telah di-buang?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Sa-bagaimana yang saya jelaskan tadi, chuma tindakan sahaja sedang di-jalankan atau telah di-jalankan, untuk buang negeri ini 4 orang ini, tetapi keputusan muktamad belum di-ambil lagi ka-mana mereka akan di-buang, kerana perkara pembuangan negeri ini sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu ma'alum ada-lah mengenai banyak perkara yang sulit yang patut di-bereskan dahulu sa-belum orang² itu boleh di-keluarkan daripada negeri ini.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (dengan izin): Sir, may I ask the Honourable Assistant Minister of Home

Affairs to inform this House whether the Government is in possession of the full reports of each of the instances of the four persons, who were killed during curfew hours?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Berkenaan dengan 4 orang yang terbunuh yang saya katakan, oleh kerana telah melanggar perintah berkurong, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat barangkali ma'alum penyiasatan atau pun inquiry akan di-adakan, dan sa-belum di-adakan inquiry ini, tidak-lah dapat di-buat apa² laporan terhadap perkara ini di-dalam Dewan ini.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri Muda berkata ada inquiry. Inquiry itu coroner's inquiry atau departmental inquiry?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Coroner's inquiry.

Dr Lim Chong Eu: When the inquiries are completed, will the Honourable Assistant Minister assure this House that these reports, both coroner's as well as departmental inquiries, will be presented to this House in the first instance, and in the second instance these reports will be publicised?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: There is no necessity, Mr Speaker, Sir, for such a report to be laid before the House. When there is a coroner's inquiry, the record of the inquiry will be available, if the Honourable Member applies to the Court which hears this inquiry for a copy of the Notes of Evidence.

Dr Lim Chong Eu: Sir, I think that the people in Penang generally feel greatly indebted to the fine work done by the security and law enforcement forces and they have very little complaint, but I would suggest to the Honourable Minister of Home Affairs that there is

Tuan Yang di-Pertua: Are you asking a supplementary question or making suggestions?

Dr Lim Chong Eu: I suggest, then I will ask the question, Sir. I suggest to the Honourable Assistant Minister of Home Affairs that this is an area whereby the feelings of dissension between the public and the Police can be exploited. Would not the Assistant Minister of Home Affairs consider it necessary to publish the reports succinctly, so that the people will know what actually happened to the people who were shot during curfew hours, rather than just leave it to the Press to report the coroner's inquiries, or just leave it to people, who are interested to apply for the coroner's records.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, coroner's inquiry, as the Honourable Member knows, is an open inquiry where members of the public are allowed to go and hear, and members of the Press are there to make report of whatever the proceedings of the inquiry is, and I do not see any useful purpose in publishing the report of this inquiry for the members of the public.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: bagaimana ra'ayat dalam negeri ini mendapat tahu bahawa hukuman buang negeri berpuncha daripada kekacauan yang berlaku di-Pulau Pinang itu, dimana yang telah di-ishtiharkan dalam surat khabar sa-ramai 60 orang; tadi Yang Berhormat Menteri Muda, Keselamatan Dalam Negeri, menyatakan hanya 4 orang; jadi, saya ingin tahu bagaimana kedudukan antara 4 orang dengan 60 orang.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, penyiasatan terhadap 4 orang ini telah di-tamatkan juga, tetapi sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat, barangkali ma'alum, peluchutan sa-saorang itu akan kewarganegaraan-nya ada-lah berkehendakkan penyiasatan yang teliti; lepas penyiasatan, perkara ini di-kemukakan kepada satu lembaga inquiry di-mana orang yang hendak di-luchutkan kewarganegaraan itu akan di-beri peluang mendengar tudohan² di-atas mana kewarganegaraan itu di-chadang hendak di-luchutkan: ini mengambil masa

kerana sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ma'alum perkara meluchutkan kera'ayatan itu ada-lah satu perkara yang besar yang patut di-selideki dengan halus sa-belum di-ambil apa² tindakan.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Muda yang berkenaan menerangkan ia itu ada-kah pehak Kerajaan Pusat ada memberi bantuan sagu hati kepada orang² 'awam yang telah terbunuh di-dalam peristiwa pergaduhan yang berlaku baharu² ini; dan jika ada bantuan yang di-berikan, berapa-kah jumlah bantuan yang telah di-keluarkan?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Sa-takat yang saya tahu, Dato' Yang di-Pertua, perkara bantuan ada di-bagi kepada waris² orang yang terbunuh bagi perbelanjaan mengkebumikan mayat yang terbunuh itu. Kalau saya tidak salah, satu orang di-bagikan \$500.

Tuan Haji Hamzah bin Alang: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah empat orang yang kena buang negeri itu mempunyai anak dan isteri? Jika ada mempunyai anak dan isteri, ada-kah dia mengikut sama buangan ikut suami-nya? Dan kalau dia tidak mengikut suami-nya, siapa-kah yang akan menjadi tanggungan kepada anak isteri itu kalau dia tinggal di-sini?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya dukachita, Dato' Yang di-Pertua, tidak dapat menjawab soalan ini kerana tidak penyiastan di-buat sama ada orang yang empat ini pada masa ini ada mempunyai anak atau pun isteri.

PERMOHONAN UNTUK PERLINDONGAN POLITIK—ZAINI HAJI AHMAD PEMIMPIN PENDERHAKA DI-BRUNEI

3. Tuan Sulaiman bin Haji Taib bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa Zaini Haji Ahmad, pemimpin penderhaka, Brunei di-katakan pernah meminta perlindungan politik dalam negeri ini, dan jika benar, apa-kah keputusan Kerajaan terhadap permohonan itu.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, Zaini bin Haji Ahmad tidak pernah memohon perlindungan siasah di-dalam negeri ini.

PEJABAT² DI-SABAH ENGGAN MENERIMA WANG LAMA MALAYA

4. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan sedar bahawa pejabat² di-Sabah enggan menerima wang² lama, dan jika sedar, terangkan langkah² yang akan di-jalankan oleh Kerajaan mengenai hal ini.

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh): Dato' Yang di-Pertua, wang lama Malaya terus-lah laku di-Malaysia. Saya ingat ia di-ishtiharkan tidak lagi laku. Memandang kepada ini, semua Jabatan² Kerajaan dan Bank² Perniagaan bukan sahaja di-Sabah dan Sarawak, tetapi juga di-seluruh Malaysia, telah di-arah menerima wang lama Malaya. Kalau Ahli Yang Berhormat boleh memberi saya kejadian² yang tertentu di-mana Pejabat² di-Sabah telah enggan menerima wang lama Malaya, saya akan adakan satu penyiastan.

DECISION RE-DEVALUATION OLD MALAYSIAN CURRENCY

5. Dr Lim Chong Eu [under S.O. 24 (2)] (dengan izin) asks the Minister of Finance why it was thought necessary to be so hasty in reaching and announcing a decision on Malaysian action in a matter of hours after the British devaluation of sterling, when other countries like Ceylon and Australia took as much as five days to make a final decision on their own positions consequent to the British devaluation.

Dr Ng Kam Poh (dengan izin): The Minister of Finance has already made several public statements as to why the Malaysian Government took the decision that it did at the time not to devalue the new Malaysian Currency. The issue before the Government was clear, and in our judgement there was no reason why the decision should be delayed, as any delay would inevitably lead to speculation. What other countries did is not necessarily what

Malaysia should do as circumstances must necessarily differ in each country.

PAYMENTS FOR CONTRACTS IN CONTRAVENTION OF DEPARTMENTAL INSTRUCTION

6. Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications to state:

- (a) why, contrary to departmental instruction 22 payments, totalling \$654,250 against 11 contracts, were made by the State Engineer, Pahang, before the relevant contract documents were executed; and
- (b) what action he has taken on this flagrant violation of departmental instructions and whether the matter has been reported to the Anti-Corruption Agency.

Menteri Kerja Raya Pos dan Telekom (**Tun V. T. Sambanthan**) (*dengan izin*): Sir, this question has been taken from the Report of the Auditor-General, Malaysia, on the Accounts of the Federal Government for the year ending 1965. Since the report is scrutinised by the Public Accounts Committee, which has been appointed by this House, it would not be fair to prejudice the deliberations of that Committee by answering this question.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, this House has seen two previous similar replies yesterday—one by the Assistant Minister of Home Affairs and another by the Assistant Minister of Education. Now, this raises a matter of principle, Mr Speaker, Sir, and I shall be very grateful if you will give a ruling.

The excuse given by the Ministers concerned is that the questions that I have asked is lifted from the Auditor-General's Report. Admittedly, it has been lifted from that Report and that Report is still under consideration by the Public Accounts Committee. What I wish to indicate to you, Mr Speaker, Sir, is this: (a) the Public Accounts Committee is subordinate to this House and consequently this House can overrule the Public Accounts Committee; (b) the Public Accounts Committee is

not a judicial body: so consequently, anything that we say now is not sub-judice; (c) the Public Accounts Committee does not go into each and every case mentioned in this Report, and it may well skim over some of these matters that I have raised; (d) if by coincidence I have never seen this Report, and information has been given to me and I ask exactly the same thing, what then would be the position? Mr Speaker, Sir, since this raises a matter of extreme importance to those of us on this side of the House, I shall be very grateful for a ruling from you, Sir.

Tun V. T. Sambanthan: I think it is only fair that I should give the reason why such a reply is being given by me. The principle is fairly simple. The Parliament that meets in this country appoints a Committee called the Public Accounts Committee from amongst Members of the House, including, of course, Members of the Opposition. Their purpose is to scrutinise the Report of the Auditor-General as well as anything else that they want with regard to money expended and voted for and spent through the allocations granted by the Parliament here. They have a degree of authority which is given to them by this Parliament here. Now, he has asked me a question, and I am a Minister of the Government. If I do give a reply, would it not in some way or other prejudice the thinking of members of the Public Accounts Committee however fair-minded they may be? Will they not think: "Well, the Minister has said this; surely he has justified it, how can we say that what he said is very wrong?"—they are, of course, only human. My only purpose in not replying is this: that this Public Accounts Committee which is appointed, which represents the Parliament here, should have a free hand. After they have gone through the Public Accounts, they submit their Report to this House. I, therefore, do not see any reason why the Honourable Member should get so hot under the collar. He has been asking these questions culled from the Report, which is a very easy thing for him, pick up all sorts of questions and series of items

put forth in the Auditor-General's Report, facts which in any case the Public Accounts Committee would study. The unfortunate thing is that the Honourable Member arrogates to himself far more importance than the Public Accounts Committee of this Parliament, Sir. (*Applause*).

Tuan Yang di-Pertua (*Izinkan saya berchakap dalam Bahasa Inggeris juga*): Now a ruling has been asked to be given by me. That I think is not possible in this case, because the Ministers are at liberty to answer the questions in whatever way they choose.

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification, Mr Speaker, Sir. The Minister fails to tell us that he is responsible for the acts of omission or commission in his Ministry. The Minister himself, Mr Speaker, Sir, does not appear before the Public Accounts Committee; the civil servants do appear when they are summoned by the Public Accounts Committee; and I really fail to see how the Members of the Public Accounts Committee can be prejudiced by what is being said outside. After all, quite a number of what is reported in this Report of the Auditor-General has been highlighted in the Press long before it came to the notice of the Public Accounts Committee. Consequently, the sole ground of justification of refusal to answer by the Minister concerned is that it would prejudice a detached and fair hearing by the Members of the Accounts Committee, but I maintain that that is a false premise.

Tun V. T. Sambanthan: He may say what he likes. I maintain what I said.

Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*): I do not quite know how to enter this argument. May I ask for your ruling, Sir, that in future if questions of this nature are presented and the Ministers indicate that they are going to refer the matter to the apron of the Public Accounts Committee, then they should not be tabled during Question Time.

Dr Tan Chee Khoon: On a further point of clarification, Mr Speaker, Sir, I am *anti* what the Member for

Tanjong has said. I came to this House specially to ask these questions and at least two of these questions standing in my name are culled from this Report. I could have spent my time a little more usefully in my dispensary rather than listening to such explanations from the Minister. Be that as it may, Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister aware that in the Written Answers to Questions asked, I have also asked questions which are culled from this Report and they have been answered in full.

Tun V. T. Sambanthan: Sir, the Honourable Member asked one question of me this morning, and I had to rush all the way just to reply to him. It is not as if he is wasting his time; he is also causing me to waste my time (*Applause*) if presence in Parliament can be alluded to as waste of time—and I think it was improper for him to have suggested that he has wasted his time. Every one of us has a purpose to do in this Parliament and though he may utilise his time more profitably than myself—(*Laughter*) (ONE HONOURABLE MEMBER: Hear! hear!) for every hour he spends in his dispensary means so many more dollars—I regret I cannot say that of myself. I am either at the office or in the Parliament. However, I do not think it is proper for him to say that he wastes his time and we are here at his beck and call.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kalau sudah aman, tidak ada berperang lagi, boleh kita jalankan (*Ketawa*).

PEKERJA² DI-DALAM JABATAN KEJURUTERAAN M.S.A.

7. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah langkah² yang sedang di-jalankan untuk mengambil lebih banyak lagi orang² Melayu bekerja dalam Jabatan Kejuruteraan M.S.A. terutamanya kerana pengkalan Boeing yang hendak di-bena di-Kuala Lumpur kerana pada masa yang lalu orang² China sahaja, kebanyakan-nya orang Singapura telah di-ambil bekerja dalam Jabatan Kejuruteraan dan ada-kah dia sedar bahawa pengambilan berat sebelah ini sengahaja di-galakkan atau dia tidak ambil peduli langsung terhadap

pentadbiran sharikat penerbangan itu sa-hari-hari.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat tahu dari mana Ahli Yang Berhormat itu mendapat penerangan menghendaki desakan² menubuhkan pengkalan kapal terbang Boeing ini di-Kuala Lumpur. Tidak tahu-lah kalau ia menjadi Menteri Bayangan Kerajaan PAS, berkenaan dengan pengangkutan.

Kementerian saya sedang mempelajari tentang pembenaan kelengkapan² yang sesuai di-lapangan Terbang Antara-bangsa, Subang, dan untuk saat ini saya tidak-lah suka membuat sa-barang kenyataan umum mengenai-nya, kerana perkara ini maseh di-dalam keadaan penyelidekan sahaja—takut nanti di-salah fahamkan lagi. Berkenaan dengan pengambilan pegawai² di-dalam beberapa jabatan penerbangan Malaysia/Singapura, saya ingin mengingatkan sa-mula Ahli Yang Berhormat itu kepada jawapan² saya kepada beliau dalam persidangan yang lalu berhubung dengan perkara² yang sa-umpama itu juga.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan mengambil orang dalam beberapa department. Saya chuma tanya berkenaan pengambilan orang di-dalam Engineering Department of M.S.A.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Engineering pun ada lain² department pun sama juga. Saya sudah terangkan berjeler² berapa kali-lah.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. *Excuse* yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri itu sa-tahu saya sekarang ini sudah tidak *valid* lagi, sebab baharu² ini, jikalau kita bacha dalam surat khabar, 10 orang bukan bumiputra di-hantar ka-Amerika dan England untuk berlatih berkenaan dengan *engineering* ini. Tidak-kah ada bumiputra kita *apply* untuk pergi berlatih tentang perkara ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, memakai apa cerita yang ada dalam surat khabar, kalau ada keterangan Ahli Yang Berhormat berkehendakkan keterangan tolong-lah rojok kepada saya, dan akan di-siasat perkara yang baharu itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarek hati dengan jawapan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ia-itu Yang Berhormat Menteri tidak tahu berkenaan dengan hal ini kechuali-lah kalau² pehak PAS hendak buat. Jadi, arti-nya ada-kah Kerajaan Pusat ini boleh membenar Kerajaan State hendak membuat kapal terbang sendiri?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, itu-lah Kerajaan PAS. Saya kata Yang Berhormat itu barangkali boleh jadi Menteri Bayangan Menteri Pengangkutan PAS. Itu tunggu-lah PAS memerintah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Itu boleh jadi, adakah berma'ana Menteri ini akan mengizinkan; dan sa-kira-nya akan mengizinkan, saya memang mempunyai persediaan untuk itu (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, tunggu-lah tahun 69, tidak lama lagi; kalau PAS masok memerintah negeri Malaysia ini, jalankan-lah apa perkara suka PAS. Saya tidak ada soal perkara itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Saya minta sa-belum pada tahun 1969, oleh kerana pada tahun 1969 boleh jadi saya tidak ada lagi, kerana saya uzor. Saya hendak tahu pada tahun ini juga (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, di-ucapkan selamat. Saya sudah kata, saya akan ambil tindakan, tetapi saya ta' boleh cerita—perkara ini belum putus. Ini yang saya susah berkenaan dengan Yang Berhormat daripada pehak PAS ini; perkara yang belum lagi putus, minta di-terangkan nanti mereka kelirukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini rahsia lagi.

GAJI KAKITANGAN DAGANG M.S.A.

8. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dia sedar bahawa kakitangan dagang M.S.A. di-bayar gaji yang lebih mahal daripada gaji kakitangan tempatan di-samping faedah² tambahan, dan jika sedar, ada-kah dia boleh terangkan kenapa pegawai dagang di-bayar lebih termasuk juga chukai pendapatan, sunggoh pun ada pembayaran bermacham² jenis faedah tambahan dan apa-kah langkah² yang sedang di-ambil untuk mengganti pegawai² dagang ini dengan pegawai² tempatan, khas-nya orang² Melayu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, pada dasar-nya pegawai² dagang di-gunakan apabila di-dapati pegawai² tempatan tidak mempunyai kelayakan² yang cukup untuk menjalankan kerja² mereka itu. Sa-bagai pegawai² yang berkhidmat untuk sementara waktu sahaja, maka ada-lah tidak patut mereka itu disamakan perkhidmatan-nya berdasarkan pegawai² tempatan yang bekerja tetap. Apabila di-dapati pegawai² tempatan telah mendapat kelayakan yang cukup dan memperoleh pengalaman yang cukup pula di-dalam berbagai² jabatan, maka mereka akan di-pilih untuk menggantikan pegawai dagang tersebut.

PEMBAYARAN KEDUA DALAM DISEMBER 1965 UNTUK TANAH YANG MENCHADANG SA-BAGAI TAPAK SEKOLAH MENENGAH TEKNIK

9. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran:

(a) kenapa pembayaran kedua dibuat dalam bulan Disember 1965 untuk tanah yang di-ambil untuk Kerajaan Negeri Selangor sa-bagai chadangan tapak sa-buah Sekolah Menengah Teknik dan sa-buah Maktab Latehan Guru² Teknik; dan

(b) ada-kah dia sedar bahawa dalam bulan Jun 1965 wang sa-banyak \$132,856 telah di-bayar kepada Pemungut Hasil Tanah, Kuala Lumpur untuk tanah yang tersebut dan bahawa sa-kira-nya perkara ini dan kesalahan² dalam perkara wang yang lain dapat di-elakkan, maka tidak-lah perlu menaikkan yuran sekolah menengah.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, pembayaran dua kali itu telah berlaku di-sebabkan oleh kesilapan yang tidak di-sengajakan. Apabila di-ketahui ini telah di-betulkan kepada chara menggunakan-nya bagi membayar satu lagi pembayaran bagi sa-keping tanah yang lain kepada Kerajaan Negeri Selangor. Perkara ini tidak ada kena-mengena dengan keputusan untuk menaikkan yuran sekolah menengah.

Dr Tan Chee Khoon (dengan izin): This question that I have asked has been culled from the Auditor-General's Report, page 24, paragraph 89. The Assistant Minister refused to answer a question culled from this Report yesterday for me. Today he chooses to answer a question culled from the same Report. Just now we heard the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications refusing to answer a question culled also from this Report. I do hope that there would be some sort of consistency amongst the Ministers. If they want to refuse, let them go all the way, but not one Minister to refuse; and another Minister to agree to reply. May I draw the attention of the Honourable Assistant Minister to the words written in this Auditor-General's Report:

"In June 1965, payment of \$132,856 was made to the Collector of Land Revenue, Kuala Lumpur, for land acquired from the Selangor State Government for the proposed sites of a Secondary Technical School and a Technical Teachers Training College. However, due to inadequate vote control and prepayment checks, a second payment was made in December 1965. As far as I am aware"—says the Auditor-General—"the overpayment has not yet been recovered".

Now, we heard the Honourable Assistant Minister of Education telling us that there has been no overpayment.

Whom are we to believe—the Assistant Minister of Education, or the Auditor-General?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab dalam Bahasa Kebangsaan sa-kali lagi, barangkali Yang Berhormat itu tidak erti Bahasa Kebangsaan.

Pembayaran dua kali itu dari berlaku di-sebabkan oleh kesilapan yang tidak sengaja. Apabila di-ketahui ini telah di-betulkan dengan chara menggunakan-nya bagi membayar satu lagi pembayaran bagi sa-keping tanah yang lain kepada Kerajaan Negeri Selangor. Perkara ini tidak ada kena-mengena dengan keputusan untuk menaikkan yuran sekolah menengah.

Dr Tan Chee Khoon: The Assistant Minister of Education now tells us—I am so sorry that I did not quite hear what he said—that the payment was for two pieces of land. I can only go by this Report. Is he trying to tell this House that what the Auditor-General states in this Report is not correct and that there has not been a double payment? That is what I am interested in.

Tuan Lee Siok Yew: Apa² soalan yang kita menjawab, kita hendak fikir ada-kah soalan kita hendak jawab yang betul.

ADUAN OLEH SA-ORANG BERKENAAN DENGAN SA-BUAH SEKOLAH YANG TIDAK ADA KEMUDAHAN² MENGAJAR SAINS PERTANIAN (SIARAN STRAITS TIMES BERTARIKH 14-10-67)

10. Dr Lim Chong Eu [di-bawah S.O. 24 (2)] bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah dia sedar akan aduan sa-orang yang terlatah dalam sain² pertanian yang tersiar dalam *Straits Times* bertarikh 14hb Oktober, 1967, bahawa dia telah di-tugaskan di-sabua sekolah yang tidak ada kemudahan² mengajar sains pertanian, dan ada-kah Kerajaan akan mengambil tindakan segera untuk membetulkan perkara sa-umpama itu.

Tuan Lee Siok Yew: Dato' Yang di-Pertua, ya. Tetapi surat dalam *Straits*

Times keluaran 14hb Oktober tahun 1967 itu tidak-lah mengandongi nama, 'alamat, atau butir² yang lain. Dan oleh yang demikian kemushkilan penulis itu tidak dapat di-selideki.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri Muda Pelajaran sedar ada beberapa guru² yang di-lateh di-dalam Agricultural Science di-hantar ka-sekolah² yang tidak ada kemudahan² untuk Agricultural Science? Kalau Menteri Muda sedar, mengapa guru² tersebut di-hantar kepada sekolah² tersebut?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu tidak di-lakukan.

PERISTIWA DI-UNIVERSITI MALAYA PADA MALAM KERISMAS, 1967

11. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa suatu peristiwa telah berlaku di-Universiti Malaya pada malam menjelang Kerismas 1967, ia-itu pada pukul 2 pagi beberapa orang mahasiswa lelaki telah menahan satu van yang di-naikki oleh mahasiswa perempuan. Mahasiswa² lelaki telah menyuroh mahasiswa² perempuan ini keluar dan "berseronok" dengan mereka. Jika ini benar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh pihak berkuasa Universiti mengenai perkara ini?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pihak Universiti telah menerima aduan² tentang beberapa orang mahasiswa² lelaki yang telah berkerumun di-sakeliling sa-kumpulan mahasiswa² wanita yang sedang turun dari sa-buah bas di-pintu pagar asrama pada awal Hari Kerismas dan di-antara penuntut² lelaki itu ada yang telah berkelakuan tidak senonoh. Pihak Universiti sedang menyiasat perkara itu dan penuntut² yang di-dapati bertanggungjawab akan di-denda di-bawah Act Disiplin Universiti.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila siasatan itu sudah selesai dapat-kah Kementerian Pelajaran

memberitahu kepada Dewan ini keputusan² itu sa-takat yang boleh.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita boleh timbangkan.

PEGAWAI PERCHETAKAN DI-DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

12. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan satu jawatan Pegawai Perchetakan dan jawatan tersebut telah pun di-pegang oleh sa-orang pegawai yang sedia bekerja di-Dewan itu, dan hingga sekarang masih lagi membuat kerja² lamanya sunggoh pun gaji yang di-terimanya itu ada-lah gaji sa-orang Pegawai Perchetakan. Jika ini benar, apa-kah kelayakan pegawai itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah benar bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan satu jawatan Pegawai Perchetakan dan jawatan tersebut telah di-penohi oleh sa-orang pegawai yang sedia berkerja di-Dewan ini, tetapi tiada-lah benar bahawa pegawai tersebut masih membuat kerja² lama-nya, sunggoh pun ia masih menggunakan bilek-nya yang lama, kerana kekurangan tempat. Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka telah melantek pegawai ini sabagai Pegawai Perchetakan memandang kepada pengetahuan dan pengalaman-nya yang luas dalam bidang perchetakan. Baharu² ini pegawai ini telah di-pilih oleh UNESCO meng-hadhiri kursus Graphic Art di-Tokyo dengan biasiswa UNESCO.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah dengan pilihan UNESCO ka-atas satu² orang itu menjadi satu kelayakan, mithal-nya kalau saya di-pilih oleh President Johnson untuk pergi ka-Amerika, ada-kah itu satu surat certificate sa-bagai satu kelayakan.

Tuan Lee Siok Yew: Saya sudah menjawab perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, memang-lah begitu.

PEMEREKSAAN KIRA² DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

13. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah kira² Dewan Bahasa dan Pustaka di-pereksa dan di-kawal oleh akauntan Kerajaan atau akauntan bersendirian;
- (b) jika kira² ini di-buat oleh sa-orang akauntan bersendirian, apakah nama-nya dan sejak bilakah akauntan saperti ini di-adakan.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kira² Dewan Bahasa dan Pustaka ada-lah di-odit oleh Juru Odit Negara;
- (b) Soal ini tidak berbangkit.

KEMUDAHAN PERUBATAN BAGI PENDUDOK² DI-KAWASAN LUAR BANDAR DI-SARAWAK

14. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah Kerajaan akan mengambil langkah² sa-chepat mungkin bagi memberi kemudahan perubatan yang lebih baik kepada pendudok² yang tinggal di-kawasan luar bandar di-Sarawak.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun mengambil langkah untuk meluaskan lagi kemudahan² perubatan kepada orang² di-kawasan luar bandar di-Sarawak mengikut dasar-nya. Umpama-nya di-dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama

- (i) Lebih daripada \$337,000 telah pun di-belanjakan untuk ranchangan memperbaiki kesihatan di-luar bandar di-dalam lebih daripada 20 kawasan. Ini ia-lah untuk memperbaiki kesihatan dan kebersehan di-kawasan² luar bandar dan kesihatan ra'ayat yang tinggal di-luar bandar;
- (ii) Lebih daripada \$1,600,000 telah pun di-belanjakan untuk mengadakan rumah² sakit di-Lundu, Marudi, Bintulu, Lawas dan dispensari² di-dalam 14 buah kawasan² lain;

(iii) Dispensari² Bergerak, atau Travelling Dispensary telah juga diadakan di-Serian, Jalan Bau, Ulu Muka dan Song;

(iv) Banyak lagi perkara akan diadakan apabila Kerajaan dapat kaki-tangan² kesihatan yang cukup.

KEKURANGAN DOKTOR² DI-SARAWAK

15. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah beliau sedar bahawa di-Sarawak sangat kekurangan doktor², dan jika beliau sedar, apa-kah chadangan Kerajaan bagi menambahkan lagi bilangan doktor² ini.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Saya ada-lah sedar tentang kekurangan doktor di-Sarawak. Satu daripada chara² untuk mengatasi kekurangan ini, ia-lah dengan mengadakan satu undang² baharu yang membolehkan doktor² tempatan yang berijazah dari luar negeri mendaftarkan di-Sarawak. Sembilan orang doktor akan mulai berkhidmat dengan Jabatan Perubatan di-Sarawak sa-lepas tamat latehan mereka di-luar negeri awal tahun ini.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): How many additional doctors are still required for the State of Sarawak?

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: I am unable to give the figure off-hand, Sir, because I think the Honourable Member himself is aware that the Medical and Health service in Sarawak is a State matter. It is not a Federal matter according to the Inter-Governmental Committee Report.

Tuan C. John Ondu Majakil (Sabah): Mr Speaker, Sir, ada-kah Kementerian itu sedar, ia-itu di-Sabah banyak pekerja² rumah sakit sa-bagai local staff nurses dan sisters yang ada berkebolehan bekerja dengan expatriate nurses dan sisters tidak puas hati kerana mereka

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Ini soal Sarawak, bukan soal Sabah, terpaksa-lah Yang Berhormat itu menu-

lis surat untuk pertanyaan beri tahu terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong sarkankan Sabah itu (*Ketawa*).

Tuan C. John Ondu Majakil: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, penjelasan—berkenaan dengan Sarawak boleh.

Tuan C. John Ondu Majakil: Malaysia-lah, bukan Sarawak. Saya fikir saya boleh tanya untuk Malaysia, kerana Sabah di-dalam Malaysia juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak menyual berkenaan dengan Sabah, buat-lah soal lain; jangan tumpang soal orang.

Tuan C. John Ondu Majakil: Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Speaker, Sir, the Parliamentary Secretary to the Minister of Health has neatly side-stepped this issue of shortage of doctors in Sarawak by saying that Health is a State matter and, consequently, it is not within this purview of his Ministry. While that may be true, Mr Speaker, Sir, can the Honourable Parliamentary Secretary tell us what steps has his Ministry taken to help Sarawak to get rid of this shortage of doctors: (a) by training more students from Sarawak in the Faculty of Medicine in Kuala Lumpur; (b) by helping the State of Sarawak to send more students abroad to get training in medicine; and (c) by the Central Government itself providing more scholarships for the State of Sarawak to help them to train medical manpower?

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I think the Honourable Member for Batu did not understand me when I spoke in Bahasa Kebangsaan just now. I said that there are two things to be done to overcome this shortage: (a) a new legislation whereby Malaysians with foreign medical qualifications could be registered in Sarawak, (b) nine doctors are expected to join the Medical

Department in Sarawak after completion of their training overseas shortly, i.e., this year, and (c) we are considering the matter.

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification, Mr Speaker, Sir, I fully understand what the Honourable Parliamentary Secretary has stated. He has stated about a new legislation empowering Sarawak to enrol people with foreign degrees non-recognisable by the G.M.C. to practise there. Sarawak does not need that new legislation. Sarawak with its present legislation can recruit people with foreign degrees that are not recognised. This is number one. Number two, those nine people being trained abroad have all been sent by the State Government of Sarawak. What I am interested in, and what the people of Sarawak are interested in, is, what is the Central Government doing to relieve the shortage of doctors in Sarawak, not what the State Government is doing?

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: If the Medical Department of Sarawak informs us, we will take that into consideration and then we will have a talk with their own Director of Medical Services.

ACT PERHUBONGAN PER-USAHAAN

Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah dia sedar bahawa Act Perhubungan Perusahaan ia-lah suatu undang² yang ta' bertaring tetapi mustahak sa-tidak²-nya dalam pengi'tirafan kesatuan² yang berkaitan sa-bagaimana yang terbukti dalam pertikaian berkenaan dengan pengi'tirafan di-antara Majikan Perusahaan Dolomite dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja² Lombong Tanah Melayu, dan jika sedar, apa-kah tindakan dia telah ambil untuk mengkambus lobang pada undang² ini.

Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, jauh dari bersifat "toothless dan impotent", sa-bagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Batu, kami menganggap Act Perhubungan Perusahaan itu satu undang² yang berkesan dan benar.

Case pertikaian Dolomite, sa-bagaimana saya telah beberapa kali chakapkan dalam Dewan ini ada-lah perkara luar biasa. Tidak ada case yang sa-rupa itu akan timbul lagi, kerana pertikaian tersebut telah timbul sa-belum Act itu berkuat kuasa. Dalam hal ini, case Dolomite itu tidak menunjukkan apa² kerana pehak² yang berkenaan telah menchapai persetujuan di-luar mahkamah dan kami oleh kerana itu, tidaklah dapat peluang mengetahu², jika ada sa-benar-nya kelemahan pada Act tersebut, kami tentu-lah berpendapat di-sabelak-nya.

Dr Tan Chee Khoon (dengan izin): Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Labour tells us that this Dolomite Industries dispute had arisen before the coming into force of the Industrial Relations Act and, therefore, it is not likely that similar cases will arise in the future. Is he aware that the question of recognition of unions is still a matter of contention and that there are many more cases pending where the unions only want recognition and they have made their bid for recognition before the coming into force of the Industrial Relations Act. Consequently, is he aware that in the event of such a case going to the Industrial Court, if the Dolomite Industries dispute is a criterion, then these people will have very little hope?

Tuan V. Manickavasagam (dengan izin): Sir, as I have said, this case was a peculiar one and I do not expect any further cases of this nature to occur; and I, in fact, Sir, would have been happy if the case had gone on which would have given us an idea if there was any loophole in the Act, but since the parties had, on their own, reached agreement out of Court, I still maintain, Sir, that there is no loophole in the legislation.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, while the Minister may maintain that there is no loophole in the present legislation, is he aware that management—not necessarily Dolomite management—by its very nature, having lots of money, can, if a similar case were to occur, dilly-dally for months and then, finally, when it comes to the

Industrial Relations Court challenge the authority of the Court and go to the High Court, and then just before it is tested in the High Court, make a settlement with the workers, as it has happened in this case of the Dolomite Industries? Instead of such a long and tedious process where it is uncertain—and the Minister himself has admitted there is uncertainty because the Dolomite case has not been tested in Court; if it has been tested in Court then the Minister would know and I would know and the workers of this country would know—that instead of allowing management to have such a loophole to challenge the authority of the Court, will he not bring amendments to this House to the Industrial Relations Act to state very clearly that the authority of the Court cannot be challenged and its decision also cannot be challenged in a Court of law?

Tuan V. Manickavasagam: As I have said again in this House, Sir, this Act just came into force recently. I am looking into the working of this Act. I can assure this House that if it needs any amendments, I will come to this House.

PADI BAKA BAHARU YANG DI-USAHAKAN DI-PUSAT PENYELIDEKAN PADI ANTARA BANGSA FILIPINA

17. Dr Lim Chong Eu [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama apakah langkah² yang Kerajaan berchandang hendak ambil supaya petani² Malaysia mendapat padi baka baharu hasil berlipat ganda yang di-katakan telah dapat di-usahakan di-Pusat Penyelidikan Padi Antarabangsa Filipina, yang berjanji akan mengusahakan baka padi yang sangat banyak hasil-nya lebih daripada hasil jenis "padi ajaib IR—8".

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah di-angapkan soalan Yang Berhormat Ahli dari Bungsar itu mungkin berkenaan dengan jenis padi baharu yang di-sebut IR—5 yang di-babitkan oleh Yayasan Penyelidikan Padi

Antarabangsa. Perchubaaan dengan jenis padi IR—5 ini telah di-jalankan di-Malaysia Barat dalam tahun 1965. Daripada beneh² asli-nya yang kita terima daripada Yayasan Penyelidikan Padi Antarabangsa Chawangan Penyelidikan Bahagian Pertanian kita telah menanam dan memilih sa-banyak 23 tanaman akhir dan 13 daripada-nya telah di-dapati mempunyai harapan dan akan di-biakkan lagi untuk tanaman yang lebih luas. Daripada 13 jenis tanaman yang mempunyai harapan itu dua telah mengeluarkan hasil sama dengan padi Ria ia-itu IR—8. Lain² kebaikan jenis IR—5 di-bandingkan dengan padi Ria, ia-itu IR—8 ia-lah IR—5 lebih tahan dengan penyakit² yang menghinggap padi Ria. Juga beras-nya lebih baik daripada padi Ria. Bahagian Pertanian akan menggunakan 40 guni beneh daripada dua jenis padi IR—5 ini dalam ranchangan perintis untuk perchubaaan lanjutan bagi menentukan hasil pengeluaran-nya sebelum ia di-keluarkan kepada petani².

LANGKAH² UNTUK MENAMBAHKAN PENGELUARAN BERAS DI-SARAWAK

18. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan Pusat untuk menambahkan lagi pengeluaran beras di-Sarawak.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, di-Sarawak langkah² permulaan telah di-ambil untuk menambah pengeluaran beras, ia-lah penyiasatan kemungkinan kawasan² padi yang telah di-jalankan oleh sa-orang pegawai daripada Bahagian Pertanian Malaysia Barat bersama² dengan dua orang pakar tanaman padi daripada Jepun. Langkah yang kedua yang sedang di-pertimbangkan ia-lah menentukan kawasan yang sesuai untuk mengadakan ranchangan parit dan taliayer bagi penanaman padi. Saya suka menyatakan, ia-itu kemajuan tanaman padi di-Sarawak sa-benar-nya bukan-lah sa-mata² bergantong kepada kebaikan tanah dan perbekalan ranchangan² parit dan taliayer sahaja, tetapi faktor² ekonomi masyarakat,

saperti pemegangan tanah, atau pun land tenure, hak² adat resam dan perasangka ini semua-nya hendak-lah di-siasat sa-belum tambahan pengeluaran padi itu dapat kita jayakan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga:
Mr Speaker, Sir, I would like to know where this project will be implemented in Sarawak?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Saya telah terangkan tadi dalam jawapan saya, ia-itu kita sedang menyiasat kawasan² yang dapat di-adakan parit dan taliayer. Untuk ma'aluman Ahli itu yang kita telah dapati satu kawasan di-Division Dua sa-luas 5,000 ekar dan kawasan di-Division Tiga juga kita dapati dan di-kawasan lain sedang di-siasat, ia-itu di-Division Satu dan di-Division Empat.

Dr Lim Chong Eu (dengan izin):
Will the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives inform this House whether preliminary surveys from the Drainage and Irrigation Department indicate to what extent the potential cost of drainage and irrigation will be in relation to the rice production potential of Sarawak?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Kajian atas siasatan, atau sukatan daripada Jabatan Parit dan Taliayer belum lagi di-buat di-kawasan² yang sedang di-siasat, dengan sebab itu harga-nya tidak dapat di-beri pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-hingga pukul 11.45 pagi ini.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.05 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.45 pagi.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan

dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Keempat).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

KEPALA 12—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah, Kepala B. 12 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah menyokong permintaan peruntokan wang bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Saya juga mengucapkan terima kasih di-atas tegoran² yang membena yang telah di-suarakan oleh Ahli² Yang Berhormat. Sa-sungguh-nya tegoran itu ada-lah banyak, jadi tidak-lah dapat saya menjawab kesemua-nya pada pagi ini; tetapi saya chuba memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang mustahak dan sa-lain daripada itu akan di-ambil ingatan untuk pertimbangan dan sa-kira-nya mustahak untuk perlaksanaan.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara telah menegor berkenaan dengan kajian padi yang di-buat di-dalam negeri ini dan keutamaan tidak di-beri kepada padi huma, atau pun padi ladang. Kajian berkenaan dengan padi ini dan peruntokan² telah di-buat untuk kajian padi sawah dan padi ladang, tetapi ke-utamaan ada-lah di-beri kepada padi sawah, dengan sebab kawasan tanaman padi sawah ada-lah lebeh luas daripada padi ladang, ia-itu perbandingan 755,800 ekar tanah sawah dengan 44,100 ekar padi huma sahaja.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun menyatakan kemushkilan-nya berkenaan dengan kumbang² yang di-dapati dalam negeri ini dan pehak Jabatan Pertanian belum dapat lagi membasmiakan serangan kumbang² ini. Usaha bagi memusnahkan kumbang² ini ada-lah di-jalankan dan tidak-lah

berupaya pehak Kementerian, atau pun pehak Jabatan Pertanian untuk menah, atau membasmi kumbang² ini daripada tiap² tanah, atau pun tiap² kebun; tetapi di-mana mustahak dan sa-kira-nya ada permintaan, bantuan² kapada pekebun² kechil ada-lah di-beri untuk menahankan serangan kumbang² ini. Begitu juga berkenaan dengan serangan penyakit merah. Penyakit merah ini ia-lah satu penyakit padi yang berlakukan dengan sebab ada kuman yang di-namakan bena hijau. Kajian² telah pun di-jalankan dan boleh di-katakan tidak ada jenis padi di-dalam negeri ini yang dapat menahankan daripada penyakit merah ini. Maka dengan sebab itu, usaha² bagi membasmi-nya ada-lah di-jalankan dengan giat-nya dan sa-kira-nya mustahak pehak Kerajaan akan memberi pertolongan.

Ada-lah tidak benar bagaimana tuduhan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan tidak ada kerjasama di-antara Kementerian ini dengan Kementerian Pertahanan bagi menggunakan kapal² terbang—Tentera, sa-kira-nya mustahak, bagi membasmi penyakit merah ini. Pehak Kementerian Pertahanan ada-lah sentiasa memberi kerjasama yang penoh kapada Kementerian ini, sa-kira-nya mustahak. Satu daripada chontoh yang telah berlaku, ia-itu pada tahun sudah tanaman padi di-Negeri Kelantan ada-lah di-serang oleh satu penyakit, ia-itu kesing, dan pehak Kementerian saya telah mengambil keputusan untuk menyiramkan ubat² kapada tanaman padi di-Kelantan itu dengan menggunakan kapal terbang: permintaan di-buat, pertolongan di-beri, kapal terbang di-sediakan, dan ubat² itu di-siram dengan sa-luas²-nya di-dalam kawasan Negeri Kelantan. Tetapi, satu masalah yang besar berhubung dengan menyiram ubat² daripada udara ini ia-lah berkenaan dengan merbahaya-nya ubat ini kapada jiwa manusia, atau pun jiwa binatang, atau pokok² yang lain. Maka dengan sebab itu, kalau sa-kira-nya kawasan itu di-duduki penoh sesak oleh manusia maka terpaksa-lah kita mengambil langkah² bagi mengelakkan daripada ubat itu terkena kapada manusia, atau pun

masuk dalam ayer minum manusia dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara juga telah meminta supaya FAMA, atau pun Perbadanan Padi dan Beras membeli padi dengan sa-banyak²-nya dan dengan chara ini boleh-lah FAMA berjalan dengan mendapat keuntungan yang banyak. Di-sini saya suka menegaskan sa-kali lagi, sunggoh-pun saya sudah tegaskan beberapa kali pada masa yang sudah, ia-itu Perbadanan Padi dan Beras ini bukan-lah di-tubuhkan untuk menjalankan perniagaan bagi membuat keuntungan, tetapi ada-lah di-tubuhkan untuk menjaga faedah petani dan peladang supaya petani dan peladang itu mendapat harga yang baik, harga yang berpatutan dan keadaan pemasaran dalam negeri ini tidak-lah mengechewakan peladang² dan petani² itu. Maka dengan sebab itu, FAMA pada tahun sudah telah pun mengadakan empat ranchangan padi dan beras dalam negeri ini, ia-itu di-Tanjong Karang, di-Krian, Pulau Pinang dan Perlis.

Dalam kawasan Tanjong Karang, Perbadanan ini membeli dan menjual padi, tetapi di-Krian, Pulau Pinang dan Perlis, chuma mengeluarkan lesen sahaja. Daripada apa yang kita dapati, pada tahun sudah sa-hingga tahun ini, harga² padi telah pun di-dapati atau di-bayar kapada petani² dengan harga yang berpatutan, ia-itu tidak kurang daripada \$16 sa-pikul, di-Tanjong Karang pada tahun sudah kita membayar \$17 sa-pikul, keseluruhan-nya, dan pada tahun ini kita telah menaikkan kapada \$17.50 sa-pikul pada keseluruhan sama ada harga jatuh atau naik, harga itu tetap akan di-dapati oleh peladang². Di-kawasan Kedah, saya dapat atau harga padi telah pun naik sa-hingga \$21 sa-pikul, tetapi di-sini kita harus ingat, ia-itu padi di-Kedah ada-lah berlainan sedikit daripada padi yang di-tanam di-Tanjong Karang dan sa-bagai-nya. Jadi, dengan keadaan yang demikian itu boleh-lah di-katakan, atau di-sifatkan, ia-itu perjalanan FAMA ada-lah berjaya, ia-itu mendapatkan harga yang baik kapada

petani² dan peladang² yang ada di dalam negeri ini. Jadi, kalau sa-kiranya peladang dan petani yang ada dalam negeri ini mendapat harga yang baik, maka saya rasa tidak-lah payah FAMA, atau Perbadanan ini masok champor membeli padi dan sa-bagainya di-kawasan² sa-lain daripada Tanjong Karang ini. Tetapi, kalau sa-kiranya petani dan peladang ini tidak mendapat harga yang berpatutan, maka pada masa itu Perbadanan ini akan terus membeli padi di-kawasan² itu. Segala usaha persediaan dan sa-bagainya telah pun di-sediakan dan manakala kita, atau pun keadaan berkehendakkan FAMA, atau pun Perbadanan ini membeli padi, maka pada masa itu kita akan dapat jalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara juga telah pun menyentoh berkenaan dengan Juru Odit daripada Bahagian Sharikat Kerjasama dan beberapa orang Ahli lain telah pun menyebut berkenaan dengan kerja² odit bagi Pejabat Kerjasama itu, dan menyatakan dukachita-nya usaha odit ini, atau odit² tidak di-lakukan kepada Sharikat² Kerjasama, ada di-antara tiga tahun membawa 14 tahun. Jadi, di-sini saya suka-lah menegaskan, dengan adanya kaki-tangan odit sa-bagaimana yang ada pada masa ini, ia-itu sa-telah kita mengambil juru² odit pada tahun sudah dan pada tahun ini, boleh dikatakan kita ada mempunyai odit yang agak chukup, insa'allah segala kerja odit Sharikat² Kerjasama ini akan dapat kita laksanakan sa-lewat²-nya pada akhir tahun 1969 ini. Jadi, dengan itu, saya rasa memadai-lah dengan kaki-tangan Jabatan Odit Sharikat Kerjasama yang ada itu, dan kita berharap tidak ada di-antara mereka itu yang keluar berhenti daripada Jabatan itu masok ka-jabatan lain. Kalau sa-kiranya perkara itu berlaku, boleh jadi-lah kerja² odit itu terbengkalai; tetapi kalau sa-kiranya tidak berlaku yang demikian, barangkali kita dapat menjalankan kerja² odit bagi Sharikat² Kerjasama sa-lewat²-nya akhir tahun 1969.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah pun

Tuan Tajuddin bin Ali: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan—minta ma'af. Saya tidak mengshorkan kepada Rumah ini, Tuan Pengerusi, memandangkan Yang Berhormat Menteri kita ini sangat berat memegang Kementerian dia itu termasuk tanaman, veterinary dan juga Sharikat Kerjasama, dan saya mengshorkan supaya Sharikat Kerjasama itu di-beri kepada Kementerian asing, atau kepada satu Kementerian yang baharu. Jadi, di-sini saya minta penjelasan dari pada Yang Berhormat Menteri itu.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, biar-lah saya habiskan jawapan saya dan sa-lepas itu, kalau ada apa² boleh-lah bangkitkan, kerana itu ada berkaitan dengan Ahli² yang lain yang ada minta Menteri Muda, Parliamentary Secretary, ada macham². Jadi, saya akan jawab satu persatu, kalau sa-kiranya Ahli Yang Berhormat boleh dudok tunggu mendengar jawapan² itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar tadi meminta timbangan supaya kawasan yang besar seperti Kuala Kangsar bilangan Pegawai Kerjasama hendak-lah di-tambah daripada sa-orang kepada lebeh, maka di-sini saya suka hendak menerangkan, ia-itu ada-lah menjadi dasar sharikat kerjasama ini mengadakan sa-orang Pegawai Kerjasama bagi tiap² 40 buah sharikat kerjasama di-dalam satu² jajahan, atau satu² kawasan, dan di-Kuala Kangsar pada hari ini, sahingga hari ini, chuma ada 40 buah sharikat kerjasama sahaja dan di-fikirkan sa-orang Pegawai Kerjasama ada-lah menchukupi. Sunggohpun begitu, Bahagian Sharikat Kerjasama akan menempatkan sa-orang Pemereksa Kerjasama di-Kuala Kangsar sa-bagai penolong kepada Pegawai Sharikat Kerjasama itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara menyatakan banyak masaalah² yang ada berhubung dengan Rancangan Sungai Muda, ia-itu dalam kawasan-nya dan beliau telah menyatakan juga ada kala-nya bendang² itu kering dan ada kala-nya dalam dan beliau minta supaya di-jalankan siasatan untuk menyesuaikan tanaman padi bagi

kedua² keadaan, sama ada masa dalam, atau pun masa kering. Berhubung dengan soal ini, siasatan sedang di-jalankan berhubung dengan tanaman padi ini dan masalah yang ada dalam kawasan-nya itu dapat diatasi, saya fikir, kalau sa-kira-nya petani², atau peladang² yang ada dalam kawasan itu dapat tanam sa-rentak, atau pun pada satu ketika, tidak terdahulu dan tidak terkemudian, kerana banyak daripada kawasan² padi yang saya tahu dalam lawatan saya sentiasa berjumpa di-dalam satu² kawasan kita boleh dapat ada padi yang sudah masak, sedang di-tuai, ada padi yang sedang menguning, ada padi yang baharu hendak keluar dan ada sa-tengah-nya baharu di-tanam. Jadi, kalau sa-kira-nya keadaan yang sa-umpama ini berlaku, maka susah-lah bagi pehak pegawai² yang menjaga parit dan taliayer hendak menyesuaikan ayer di-dalam kawasan² bendang itu. Kalau sa-kira-nya tidak di-buang ayer, padi yang sudah masak ta' mahu ayer. Kalau sa-kira-nya di-buang, padi yang baharu bertanam berkehendakkan ayer. Jadi, ini membuat kerja pegawai² Jabatan Parit dan Taliayer serba salah dan ini juga akan merosakkan tanaman padi petani² dan peladang² yang ada dalam kawasan itu. Jadi, dalam masalah tanaman padi itu yang mustahak-nya, diantara yang mustahak-nya, ia-lah penyamaan tanaman padi, atau kerja² di-sawah² itu, dan di-atas permintaan-nya supaya di-chari benih yang boleh sesuai dengan bendang dalam dan bendang kering, atau pun ayer dalam dan kering, maka perkara ini kita ikhtiar-kan, tetapi harapan-nya ada-lah sangat nipis.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat meminta supaya kajian tanah di-jalankan dengan lebih halus dan lebih ranchak lagi dan beliau juga telah menyebutkan berkenaan dengan satu kawasan tanah di-Mukim Beriah, ia-itu sa-luas 12,000 ekar. Sa-benar-nya kajian, atau siasatan berkenaan dengan penggunaan tanah ini telah pun di-jalankan dan siasatan kasar telah pun siap di-lakukan dan pada masa sekarang ini siasatan² halus, atau in detail ada-lah sedang di-jalankan dan

akan di-teruskan berjalan sa-berapa waktu lagi.

Berkenaan dengan kawasan Beriah Swamp itu kajian² awal telah pun di-buat dan sekarang ini penyata-nya sedang di-kaji oleh pehak Kementerian saya dan juga Ibu Pejabat Parit dan Taliayer, kerana kawasan itu ada berkaitan dengan Kolam Ayer Bukit Merah. Kalau sa-kira-nya kita keringkan kawasan itu terlampau sangat, boleh jadi Kolam Ayer Bukit Merah ini pun akan menjadi kering, dan kita juga sedang menjalankan siasat, sama ada ayer yang ada dalam Beriah Swamp itu boleh di-gunakan untuk menjadi tambahan kepada ayer kawasan Krian itu sendiri, kerana pehak Jabatan Parit dan Taliayer sedang menjalankan siasat untuk mengadakan satu ranchangan mengepam ayer Sungai Krian untuk menjadi tambahan kepada ayer yang di-beri kepada kawasan Krian dan sa-kira-nya ayer dalam kawasan Beriah Swamp itu dapat di-gunakan kepada ayer dalam kawasan Krian barangkali ini lebih menguntungkan daripada kita chuma mengeringkan dengan tidak menggunakan ayer itu bagi tanaman padi. Jadi, perkara ini ada-lah sedang dalam siasatan dan barangkali sedikit hari lagi akan dapat di-siapkan.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut juga telah meminta atau meng-shorkan supaya pehak Kerajaan menahan kemasokan telor² dalam negeri ini. Di-sini saya suka menyatakan, ia-itu tidak ada telor yang di-bawa masuk dengan sa-chara rasmi, atau pun yang di-beri kebenaran kepada kawasan Malaysia Barat, melainkan barangkali sedikit sa-banyak di-Pulau Pinang untuk kegunaan penduduk² Pulau Pinang yang mempunyai taraf free port itu. Dalam negeri kita ini, ia-itu Malaysia Barat kita mempunyai telor yang chukup untuk kegunaan kita dan kita tidak membawa masuk telor dari luar.

Berkenaan dengan telor di-hantar daripada Malaysia Barat ka-Malaysia Timor, perkara ini juga telah di-kaji dan sedang di-dalam kajian lagi. Masalah yang besar sa-kali yang susah untuk membawa telor daripada kawasan Malaysia Barat ka-Malaysia

Timor, ia-lah pengangkutan telur itu, kerana kalau sa-kira-nya pengangkutan telur, atau membawa telur daripada Malaysia Barat ka-Malaysia Timor itu mengambil masa yang panjang, maka telur itu telah tidak lagi menjadi telur baharu dan baik, bahkan boleh jadi telur busuk. Jadi, ini satu masalah yang sedang di-siasat dan di-kaji oleh Jabatan Haiwan pada masa ini.

Beliau juga telah meminta supaya menambahkan lagi kawasan² ternakan lembu dan kerbau dalam negeri ini, maka di-sini saya suka menyatakan, ia-itu sa-lain daripada Batu Arang, kita ada mempunyai Pusat² Haiwan di-Johor, di-Negeri Sembilan dan Melaka. Satu lagi Pusat Haiwan akan kita dirikan di-Pantai Timor dalam sedikit masa lagi. Pusat² Haiwan ini ada-lah di-tubuhkan di-mana² kita dapati manakala ada orang² yang ter-lateh dan pegawai² yang boleh menjalankan ranchangan ini. Sa-lain daripada kita mengadakan Pusat Haiwan untuk kerbau dan lembu, kita ada juga Pusat Haiwan untuk ayam dan babi di-dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menegor berkenaan dengan perbelanjaan menyelenggarakan Pejabat Special Constable itu berlebihan dan tidak menasabah dengan wang yang akan di-kutib balek daripada mereka. Dan beliau bertanya, ada-kah dasar Kementerian ini berubah berhubung dengan mengurangkan, atau menghapuskan pejabat itu. Maka di-sini saya suka hendak menegaskan ia-itu pandangan, atau pun dasar Kementerian tidak-lah berubah. Kita akan chuba dengan sa-daya upaya menyelesaikan masalah ini dan pada akhir-nya akan mengurang, atau pun menutup sama sa-kali pejabat ini. Tetapi pada masa ini pejabat ini bukan sahaja menjalankan urusan bagi mengutip kembali wang² yang di-pinjam oleh mata² khas itu, tetapi ada-lah juga menjalankan usaha bagi menguruskan dan mentadbirkan serta mengawasi berkenaan dengan usaha² yang di-jalankan oleh mata² khas itu. Masalah² berkenaan dengan hal tanah dan juga berkenaan dengan langkah² yang di-putuskan oleh mahkamah dan sa-bagai-nya ada-lah

juga di-jalankan oleh pegawai² daripada pejabat ini. Sunggoh pun begitu, pehak Kementerian saya tidak-lah pula mendiamkan, bahkan sedang mengkaji sama ada chadangan sa-bagaimana di-suara-kan beberapa Ahli² Dewan ini, ia-itu memulangkan urusan ini kepada mana² jabatan dan meminta pegawai² jabatan itu mengurus-nya, maka perkara itu ada-lah sedang dalam timbangan Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor berkenaan dengan anggaran perbelanjaan bagi Bahagian Kaji Teknik Makanan. Beliau telah menyatakan pegawai²-nya chuma dalam Division Superscale F dan H dan ini sangat-lah rendah kata-nya, patut di-adakan peruntukan bagi tingkatan yang lebeh tinggi daripada F dan H dan lebeh banyak. Maka di-sini saya suka menyatakan, atau menerangkan, ia-itu pejabat ini ia-lah pejabat yang termuda sa-kali di-dalam Kementerian ini, chuma di-tubuhkan pada tahun sudah. Dan pejabat ini ada berkaitan dengan Bangsa² Bersatu, kerana sa-bahagian daripada peruntukan bagi menjalankan urusan pejabat ini ada-lah di-tanggung oleh peruntukan daripada Bangsa² Bersatu dan pegawai²-nya pun ada-lah di-penuhi oleh pakar² daripada Bangsa² Bersatu dan ada-lah menjadi kewajipan kepada kita, atau kepada Kementerian ini untuk mengadakan pegawai bagi menjalankan under-study di-bawah-nya, atau bersama² dengan pegawai² daripada Bangsa² Bersatu. Keadaan² kedudukan pegawai pada masa ini ada-lah memuaskan dan sa-kira-nya mustahak dari satu masa ka-satu masa, saya akan membawa permintaan tambahan peruntukan ka-dalam Dewan ini bagi mengadakan pegawai² yang lebeh lagi bagi memenohi Jabatan Kaji Teknik ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun menegor berkenaan dengan satu peruntukan sa-banyak \$435 di-bawah Pechahan-kepala 8, ia-itu Fruit and Vegetable Canning and Freezing Research Station dan beberapa orang Ahli yang lain juga telah menegor dan menyatakan peruntukan ini sangat-lah sedikit, ia-itu \$435. Yang sa-benar-nya wang ini bukan-lah untuk kegunaan di-Kementerian, atau pun di-pejabat itu bahkan \$435 ini ia-lah yuran kepada

satu badan bernama Fruit and Vegetable Canning and Freezing Research Station at Rothamstead, England. Jadi kita membayar yuran sa-banyak \$435 kepada badan ini dan kita menerima segala majallah², kertas² dan segala pemberitahu, atau pun information berkenaan dengan fruit and vegetable canning ini daripada pusat itu. Jadi, ini ia-lah chuma yuran kita kepada badan itu. Jadi, kita tidak-lah hendak menambah daripada \$435 itu, kerana tidak ada permintaan daripada badan itu untuk kita menambah-nya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor berkenaan dengan kehilangan wang sa-banyak \$40,000 daripada Maktab Kerjasama. Jadi, sa-benar-nya perkara kehilangan wang ini ada-lah di-lakukan oleh kerani wang, atau financial clerk di-Maktab Kerjasama itu dalam bulan Januari tahun 1964 dan satu aduan telah pun di-buat kepada pihak polis. Tidak ada tangkapan yang di-lakukan, kerana pegawai itu telah pun lari balek ka-India. Sa-bahagian daripada kehilangan itu telah pun di-tuntut balek, ia-itu bahagian yang di-bawah tanggung-jawab bank, maka perkara itu sedang di-uruskan dengan pihak bank, ia-itu menuntut balek sa-bahagian daripada wang yang telah hilang itu.

Kemudian perkara yang satu lagi yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu wang sa-banyak \$1.1 juta yang tidak di-bayar oleh Apex Bank, ia-itu di-bawah padi kuncha subvention. Sa-benar-nya wang ini telah pun menjadi hutang lapok dengan sebab dalam tahun 1957 kekeringan telah berlaku di-utara Malaya dan petani², atau pun peladang² sana tidak mendapati hasil sama sa-kali daripada tanaman mereka, maka dengan sebab itu-lah mereka tidak dapat membayar balek hutang ini. Permintaan telah pun di-buat kepada pihak Perbendaharaan untuk melanjutkan pembayaran ini dan ini telah pun di-luluskan. Wang yang maseh lagi belum di-bayar bukan-lah \$1.1 juta, tetapi ia-lah lebih kurang \$867,000 sahaja lagi.

Satu lagi perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ia-lah berkenaan dengan sa-puchok surat yang

di-sampaikan oleh sa-orang ahli sharikat kerjasama daripada Jasin Darat Padi Milling Society berhubung dengan sa-orang Ahli Majlis Meshuarat telah menipu wang sa-banyak \$5,000. Jadi perkara ini ada-lah satu perkara yang baharu yang tiba pada saya, tetapi sama-saya saya berunding dengan pihak Jabatan itu, saya dapat tahu wang ini bukan-lah wang yang di-tipu oleh Ahli Majlis Meshuarat Undangan Negeri Melaka itu, tetapi ada-lah wang pinjaman tetapi tidak dapat di-bayar dengan sa-penah-nya lagi pada hari ini. Sungguh pun begitu saya akan menjalankan

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Sa-telah kita mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa tuduhan yang di-lemparkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu terhadap sa-orang anggota Dewan Negeri Melaka telah menggelapkan wang itu tidak benar, maka tidak-kah perbuatan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu itu merupakan satu perbuatan yang memecahkan keistimewaan yang ada kepada Dewan ini sendiri di-mana sa-patut-nya Ahli Yang Berhormat dari Batu itu mesti-lah menanyakan dan menyelideki perkara ini dengan begitu halus, oleh kerana dia telah menudoh sa-orang manusia yang tidak mempunyai hak untuk menjawab-nya di-dalam Dewan ini, yang pada masa² yang telah lalu mengikut pengalaman kita di-dalam Dewan ini perbuatan yang seperti itu ada-lah melanggar tata-tertib Dewan ini sendiri.

Maka untuk menjaga kebaikan nama bagi sa-saorang Ahli Dewan Negeri yang tidak mempunyai hak untuk menjawab tuduhan yang di-lemparkan kepada-nya, maka ada baik-nya kepada Menteri Yang Berhormat mengambil satu tindakan disiplin atau pun tindakan tata-tertib di-mana supaya jangan berlaku tuduhan² yang tidak berasas yang hanya menerima sa-helai kertas terbang sahaja, kemudian menudoh dengan sa-mahu²-nya sahaja.

Kalau sa-kira-nya, Tuan Pengerusi, perkara ini kita biarkan dan kita tidak

mengambil satu tindakan yang boleh menjaga kehormatan Ahli² di-luar dan di-dalam Dewan ini, maka kehormatan ra'ayat kepada Ahli² Yang Berhormat itu akan luntuh. Sebab itu saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri supaya perkara yang tidak benar seperti yang di-sebutkan-nya baharu sebentar tadi dalam memberi jawapan itu di-ambil tindakan—tindakan yang wajar dan kita mempunyai Privilege Committee di-sini supaya Privilege Committee itu bertindak terhadap orang² yang terlalu lanchang dan mulut yang tidak dapat di-tahan, bersifat, bersikap seperti orang yang terlalu kasar dan tidak menggunakan perkataan² Parliamentary di-dalam Dewan ini di-ambil tindakan yang wajar dan di-ajar mereka ini supaya mereka tidak lagi melakukan perbuatan² yang menjatuhkan maruah di-dalam Dewan ini sendiri.

Bagitu juga, Tuan Pengerusi, yang saya dengar ada daripada Ahli² Yang Berhormat bukan sahaja menjatuhkan sa-saorang yang tidak berhak menjawab-nya dalam Dewan ini yang mana seperti yang di-sebutkan tadi, tetapi menggunakan kalimat² sa-umpama "kerbau", "lembu" dan orang² yang seperti ini patut di-ajar dan jikalau sakra-nya Dewan ini tidak dapat meng-ajar-nya, maka Ahli² Kerajaan di-sini tidak akan dapat menahan kesabarannya dan kami akan mengajar di-luar Dewan ini sendiri.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya sebutkan tadi itu ada-lah penjelasan yang saya dapat dalam masa saya berunding dengan Pegawai² daripada Jabatan Kemajuan Kerjasama dan siasatan yang sa-terus-nya akan berlaku dan langkha² sa-bagaimana yang di-chadangkan itu akan di-timbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah pun menyatakan kesal-nya dengan sebab Pegawai Pertanian di-negeri Pulau Pinang tidak ada dan perkara itu ada-lah dalam kajian pehak Kementerian dan insha' Allah kita akan chuba menghantar sa-beberapa chepat yang dapat.

Berkenaan dengan memberi latihan kepada peladang² dan petani² dalam

masaalah padi dan buah²an ada-lah juga di-jalankan pada masa ini dengan pesat-nya dan kita akan menambah lagi kursus² kepada petani² dan peladang² di-masa² yang akan datang.

Pihak Kementerian juga ada-lah menggalakkan supaya pemuda² yang ada di-luar² bandar mengambil bahagian di-dalam kursus² ini bukan sahaja memberi galakan kepada Badan 4B dan sa-umpama-nya, tetapi mana juga Badan Pemuda-Pemudi, atau masharakat yang ada di-luar² bandar itu.

Sa-lain daripada itu beliau juga telah meminta supaya di-beri latihan yang sa-penoh-nya kepada Pegawai² Pertanian dan juga jadi peladang² dan petani² di-luar bandar. Ini juga sedang di-ranchangkan dan akan di-jalankan, ia-itu latihan kepada petani² dan peladang² berhubung dengan chara menjalankan, atau pun urusan Peratuan Peladang di-dalam negeri itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya Kementerian ini memberi galakan yang penoh, atau sokongan yang penoh kepada Bank Agong dan sambil itu meminta supaya di-beri bantuan pinjaman sa-banyak \$2 juta sa-bagai modal yang di-kehendaki oleh Bank Agong itu.

Bank Agong sekarang ini telah pun bertukar nama dan bertukar chorak dan di-kenali dengan nama Bank Kerjasama Malaysia dan usaha² bagi mengadakan chawangan² Bank Kerjasama Malaysia ini ada-lah di-jalankan oleh Bank itu dengan giat-nya. Pendaftaran Ahli² baharu bagi Bank itu, sama ada daripada Sharikat Kerjasama, mahu pun daripada orang persaorangan ada-lah terbuka dan sangat² di-kehendaki.

Bank itu pada masa ini sedang menjalankan ikhtiar-nya untuk mengumpulkan wang sa-banyak \$2 juta yang diperlukan dan kita berharap perkara itu boleh di-dapati oleh Bank itu dalam sedikit masa lagi dan berkenaan dengan rayuan memberi pinjaman itu, ini juga sedang di-dalam kajian dan timbangan pehak Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara juga telah meminta supaya Peratuan² Peladang yang ada pada hari ini

di-beri peluang untuk membeli padi dengan chara belesen.

Di-sini saya berasa dukachita-lah menyatakan, ia-itu Persatuan Peladang yang ada pada hari ini, ia-itu yang di-daftarkan di-bawah Undang² Pertubohan (Societies Ordinance) tidak boleh di-beri lesen untuk membeli padi dengan sebab Persatuan Peladang itu tidak dibenarkan di-bawah Undang² Pertubohan, atau Societies Act untuk menjalankan perniagaan. Manakala kita tubuhkan Persatuan² Peladang baharu di-bawah Undang² Persatuan Peladang kelak, maka Persatuan² Peladang itu akan di-beri timbangan untuk di-keluarkan lesen bagi membeli padi dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam telah menyatakan, ia-itu banyak kilang² padi haram yang mengancham perjalanan Sharikat² Kilang Padi Kerjasama di-dalam negeri Johor, maka di-sini saya suka-lah menegaskan, ia-itu lesen² bagi mengilang padi ada-lah di-bawah urusan dan di-keluarkan oleh Kerajaan Negeri bukan oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi untuk mengelakkan daripada berlaku-nya banyak kilang² haram di-dalam negeri ini, pihak Kementerian saya telah pun berurus dan mendapat persetujuan daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, ia-itu sa-belum daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan mengeluarkan permit untuk membeli kilang² daripada luar negeri, maka persetujuan daripada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-lah di-kehendaki. Jadi, perkara ini ada-lah berjalan dengan baik-nya hari ini dan dapat-lah kita mengawal kilang² baharu di-masok dalam negeri ini dengan tidak sa-tahu dan dengan tidak mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dan permit daripada Kementerian Perusahaan dan Perdagangan. Jadi, saya harap dengan chara yang di-jalankan oleh Kerajaan hari ini dapat-lah kita mengelakkan daripada kilang² haram bermaharaja-lela di-dalam negeri ini, dan di-sini terpulang-lah pula kepada Kerajaan Negeri masing² untuk bekerjasama, ia-itu jangan-lah mengeluarkan lesen dan mengambil tindakan

kapada kilang² haram yang ada di-dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah menyatakan, ia-itu hasil pertanian terutama sa-kali rambutan patut dapat ujian dengan kadar yang segera berkenaan dengan chara memperoses untuk pasaran di-luar dan di-dalam negeri. Ujian² berkenaan dengan memperoses rambutan ini sedang di-buat, tetapi jenis² rambutan yang telah di-uji di-dapati kurang sesuai, oleh sebab kulit biji di-dapati lekat kapada isi-nya, harus dengan mengadakan baka baharu, chara memperoses rambutan boleh jadi sesuai. Jadi jika kita dapat membuang kulit yang lekat kapada isi dengan tangan, maka harga memperoses akan menjadi lebih tinggi dan ini tidak-lah menjadi satu perniagaan yang ekonomik. Walau macham mana pun, Bahagian Kaji Teknik yang saya sebut baharu di-tubuhkan itu, ada-lah menjalankan usaha² bagi mengetinkan buahan² yang ada di-dalam negeri ini, sama ada dengan chara mengetinkan buah, atau pun memerah dan mengambil ayer-nya. Jadi saya perchaya dalam masalah ini banyak daripada Ahli² Yang Berhormat yang ada di-dalam Dewan ini telah mengetahui apa-kah langkah² dan kemajuan² yang di-dapati oleh Bahagian ini manakala mereka melawat pertunjukan MAHA yang sudah. Kita telah menunjukkan segala jenis perchubaaan yang di-jalankan oleh Bahagian ini di-dalam pertunjukan MAHA dan saya perchaya ada beberapa orang Ahli² Dewan ini sendiri yang telah di-beri rasa, sama ada buah-nya, atau pun minuman yang di-dapati daripada hasil penyelidikan yang kita buat itu. Jadi di-sini saya suka-lah menegaskan lagi, ia-itu bukan-lah menjadi kewajipan, atau tanggung-jawab kapada Bahagian ini untuk membeli semua buah² dalam negeri ini, memperoses buah² yang ada di-dalam negeri ini dan memasarkan buah²an, atau hasil daripada proses yang di-jalankan di-dalam negeri ini. Bahagian ini ia-lah Bahagian Kajian. Bahagian ini menjalankan siasatan, kajian chara mana buah²an, sayor²an dan barang² makanan di-dalam negeri ini boleh di-peroseskan, sa-telah kajian itu mendapat kehasilan, kita tahu chara

mana hendak di-sediakan, atau hendak memperoskan buah²an, atau sayor²an itu, maka terpulang-lah pula kepada ahli² perniagaan sendiri, ahli² perusahaan mengambil segala maklumat, atau pun segala keterangan² hasil daripada kajian itu dan mereka-lah pula menjalankan perusahaan² mengetin² dan sa-bagai-nya. Jadi kerana banyak orang bertanya, mengapa bahagian food technology ini tidak membeli ini, tidak membuat itu, tidak menjualkan barang dalam tin dan sa-bagai-nya. Jadi, di-sini saya tegaskan, ia-itu bukan-lah kewajipan mereka untuk menjalankan perniagaan, tetapi mereka menjalankan siasatan, kajian, selidikan, dan sa-lepas itu, hasil daripada-nya terserah-lah kepada ahli² perniagaan dan perusahaan menjalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu telah merayu supaya pehak Kerajaan mengadakan ranchangan untuk nelayan² di-Pantai Timor khususnya bagi menjalankan perusahaan menangkap ikan di-musim tengkujuh, maka di-sini saya suka-lah menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu, pehak Kementerian saya dan Jabatan Perikanan ada-lah sedang menjalankan satu ranchangan printis di-Pantai Timor, ia-itu menggunakan bot² yang besar yang berat lebih kurang 50 ton untuk menjalankan perusahaan pukut tunda.

Kita sengaja menghantarkan bot² itu di-musim tengkujuh, dengan sebab kita hendak mengkaji sama ada bot² itu boleh di-guna atau tidak di-dalam musim tengkujuh itu dan pehak Kementerian, atau pun ranchangan ini telah di-jalankan di-Kelantan, di-Trengganu dan sekarang ini di-jalankan di-Kuantan, Pahang. Tujuan kita mengadakan ranchangan ini bukan-lah satu, bahkan banyak. Yang pertama sa-kali kita hendak memberi latehan kepada nelayan² yang ada di-Pantai Timor bagaimana-kah chara menjalankan perusahaan pukut tunda. Yang kedua, kita hendak menchari tapak, atau pun tempat di-mana ada banyak ikan di-Pantai Timor itu dan yang ketiga kita juga mengkaji sama ada dalam musim tengkujuh, dapat-kah bot² yang besar sa-umpama ini menjalankan perusahaan

menangkap ikan, dan sa-lain daripada itu kajian² berkenaan dengan pemasaran berkenaan dengan kemudahan² di-Pantai Timor juga ada-lah di-jalankan. Hasil kajian itu, barangkali dapat pehak Kementerian ini menjadikan-nya sa-bagai pedoman bagi masa akan datang berhubung dengan usaha² menjalankan pukut tunda di-Pantai Timor itu. Sunggoh pun pehak Kerajaan hari ini menjalankan ranchangan pukut di-Pantai Timor, tetapi permintaan² bantuan, atau pinjaman daripada sharikat² kerjasama bagi membeli bot² atau pun pukut dan sa-bagai-nya, ada-lah juga di-dalam timbangan dan urusan pehak Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya pehak Kementerian ini mengambil berat dalam oyster breeding, atau pun membiakkan tiram. Jadi yang sa-benar-nya perkara ini telah pun dikaji oleh Jabatan Perikanan di-Pangkor dan di-Straits of Johore, dan di-dapati kita boleh membiakkan tiram di-Straits of Johore, tetapi masalaah-nya ada dan perkara² itu ada-lah sedang di-dalam siasatan atau kajian oleh pehak Jabatan Perikanan pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut telah meminta supaya pehak Kerajaan mengepamkan ayer daripada Sungai Krian untuk menambah bekalan ayer di-Ranchangan Krian. Perkara ini telah pun saya terangkan sa-masa saya menjawab berkenaan dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Krian, ia-itu berhubung dengan "Beriah Swamp".

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah meminta supaya pehak Kerajaan menjalankan usaha bagi menggunakan jentera bagi sawah² bendang dengan sa-luas²-nya, dan jentera hendak-lah mengambil tempat kerbau², atau lembu² yang di-gunakan bagi perusahaan sawah ini. Di-sini saya suka-lah menegaskan, ia-itu dasar Kerajaan hari ini menjalankan usaha supaya kerja² di-dalam sawah² dapat kita gunakan jentera² sama ada jentera besar, mahu pun jentera kecil, tetapi saya suka-lah menegaskan atau pun mengingatkan Ahli itu, ia-itu ada tempat² yang kita tidak boleh menggunakan

jentera dan terpaksa-lah kita menggunakan, sama ada kerbau, atau pun lembu. Jadi dalam masaalah ini perubahan yang sa-umpama ini tentu-lah akan mengambil masa yang lanjut, kerana banyak faktor² yang bergantung yang pertama sa-kali, barangkali hendak memberi pelajaran kepada petani² berkenaan dengan kegunaan jentera. Yang kedua hendak memberi fahaman, atau pun menarek persetujuan daripada Ahli² itu dan yang ketiga yang besar sa-kali ia-lah kewangan. Kalau sa-kiranya kewangan kurang, atau pun tidak cukup, sudah tentu-lah kita tidak dapat hendak memenohkan segala kehendak² petani², atau peladang² itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star juga telah pun meminta supaya pehak Kerajaan mengadakan "Farm Mechanization Training Centre" dan hendak tahu sama ada peladang² di-lateh dan meminta supaya pehak Kementerian, atau pun Kerajaan mengadakan jentera terutama sa-kali jentera memotong padi. Jadi dalam masaalah ini "Farm Mechanization Training Centre" yang ada di-Serdang ada-lah melateh Pegawai² Jabatan dan Sub-Centres yang ada di-Negeri² melatehkan peladang² dan petani². Dalam tahun ini kita akan menubuhkan satu lagi pusat, atau centre ia-itu di-Kedah bagi melateh pegawai² dan juga petani² dan peladang² yang terlibat di-dalam ranchangan Sungai Muda itu.

Berhubung dengan masaalah jentera memotong padi, maka perkara ini saya sendiri telah melawat satu kilang di-negeri Jepun dan menyaksikan jentera memotong padi yang di-buat oleh kilang itu. Jadi usaha² ka-arrah men-chuba jentera² itu di-dalam bendang² di-Malaysia Barat ini ada-lah di-jalakan dan kajian² ada-lah di-buat, sama ada ini chara yang baik dan ekonomik atau tidak. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah meminta supaya Bahagian Kaji Teknik Makanan, atau pun Kerajaan mengadakan kilang² bagi membuat ikan sadin terutama sa-kali di-Pantai Timor. Maka di-sini saya suka-lah menerangkan, ia-itu di-bawah ranchangan Bahagian Kaji Teknik Makanan sa-buah kilang perintis akan di-dirikan di-Pantai Timor

untuk menjalankan perusahaan ikan, bukan sahaja sa-chara sadin, tetapi berbagai² chara yang lain. Jadi perkara itu ada-lah di-dalam urusan dan saya tidak-lah dapat menyatakan sama ada akan di-dirikan pada tahun ini, atau tahun hadapan, tetapi perkara itu insha' Allah kita akan dirikan.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan telah menegor dan berasa dukacita berkenaan dengan kelambatan ayer yang di-berikan kepada kawasan-nya di-Seberang Prai Selatan, atau pun Sungai Acheh, manakala ayer dapat di-berikan ka-kawasan Krian dalam negeri Perak lebih awal daripada di-Sungai Acheh. Jadi di-sini layanan² berkenaan dengan ayer bagi tanaman sa-kali yang pertama kepada kawasan Krian yang di-dalam negeri Pulau Pinang itu adalah sama, tetapi berkenaan dengan tanaman yang kedua di-kawasan negeri Pulau Pinang itu tidak-lah dapat hendak di-samakan, kerana pada masa musim tanaman yang kedua ini, ayer ada-lah kekurangan sedikit. Sa-lepas daripada itu manakala siap ranchangan kita mengepam ayer daripada Sungai Krian kelak saya perchaya kesulitan yang di-alami sekarang ini akan dapat kita hapuskan.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan juga telah menyatakan, ia-itu kerbau dan lembu yang di-berikan di-bawah ranchangan pawah ini sa-makin sa-tahun sa-makin kurus, atau pun sa-makin tua. Jadi di-dalam masaalah itu, saya suka-lah menegaskan, ia-itu dasar kita memberikan kerbau dan lembu ini ia-lah kepada kawasan² sawah sa-kiranya dapat, tetapi ada juga kita beri kepada kawasan² yang kita fikirkan patut kita membiakkan lebih binatang² itu untuk di-makan daging-nya dan juga untuk susu. Berhubung dengan kechil atau besar binatang² itu pada masa dahulu kita memberi kerbau² yang sudah agak tua, yang besar dan boleh di-gunakan terus bagi membajak, atau sa-bagai-nya. Tetapi harga² kerbau ini ada-lah mahal dan tinggi dan dengan keadaan yang demikian sedikit-lah bilangan petani², atau peladang² yang boleh dapat nikmat daripada ranchangan pawah itu. Dengan sebab itu sa-telah kita memikirkan masaalah itu

kita pada masa ini membeli kerbau, atau pun lembu yang di-sebutkan dara belum chukup tua benar lagi, dan dengan keadaan yang demikian, kita boleh dapat harga yang murah sedikit, kerana kerbau itu dia tidak jadi professional lagi untuk membajak, jadi harga-nya murah, dan dengan itu banyak-lah petani² dan peladang² boleh menekmati di-bawah ranchangan ini, walau sa-macham mana pun, kalau sa-kira-nya ada berlaku pemberian kerbau kurus atau tua yang hendak mati dan sa-bagai-nya, minta-lah tolong beritahu dengan segera ka-pejabat saya, insha' Allah siasatan akan di-jalankan dan tindakan yang sa-wajar akan di-beri ka-atas pegawai² yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah pun berchakap berkenaan dengan kamajuan² di-Ranchangan Perayeran Muda dan beliau berasa kesal dengan sebab pehak D.I.D. mengambil terlampau banyak tanah untuk kerja² D.I.D. dan ada kala-nya tanah² yang di-ambil itu melibatkan rumah petani² dan peladang².

Jadi di-sini saya suka-lah menegaskan, ia-itu kalau sa-kira-nya kita berkehendakkan urusan pengaliran ayer yang baik, maka terpaksa-lah kita mengadakan taliayer yang agak besar dan chukup untuk menjalan usaha² itu, sama ada membekal ayer ka-bendang², mahu pun membuang ayer ka-laut. Kalau sa-kira-nya kita membuat parit kecil, maka sudah tentu-lah tidak dapat kita membekalkan ayer yang chukup kepada bendang² yang luas. Maka dengan sebab itu, parit² yang kita buat, sama ada parit yang membawa ayer, atau pun parit yang mengeluarkan ayer ini, hendak-lah sa-boleh²-nya lurus dan mengikut keadaan² tanah, ia-itu tinggi rendah-nya dan sa-bagai-nya. Kalau sa-kira-nya kita membuat parit di-tempat yang lurah, sudah tentu-lah tidak dapat mengayerkan kawasan bendang di-tempat yang tinggi dan sa-bagai-nya, maka kalau sa-kira-nya usaha menjalankan ranchangan ini, terpaksa kita mengambil tanah orang, atau merobohkan rumah orang, maka terpaksa-lah kita menjalankan usaha² itu. Tetapi ada-lah menjadi dasar Kementerian ini dan juga

Jabatan Parit dan Taliayer memberi kesusahan yang sa-kurang²-nya kapada petani² dan peladang² berhubung dengan pengambilan tanah² untuk kerja² D.I.D., tetapi kalau sa-kira-nya kita hendak katakan ta'usah menyusahkan ra'ayat langsung, ta'usaha ambil tanah, maka perkara ini mustahil dapat di-jalankan. Maka itu-lah, dan saya suka menegaskan di-sini, ia-itu manakala kita mengambil tanah, pembayaran yang sa-wajar-nya ada-lah di-beri kapada petani² dan peladang².

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan juga telah berchakap berhubung dengan memberi latehan kapada nelayan² yang ada di-Pantai Barat dan juga di-Pantai Timor maka di-sini, saya suka-lah menyatakan, ia-itu pehak Kementerian saya ada-lah memberi pandangan yang berat dalam masaalah membaiki kehidupan nelayan² yang ada di-negeri ini dengan mengadakan kemudahan² dan juga memberi latehan kapada mereka, sama ada menggunakan alat² perkakas menangkap ikan, mahu pun menggunakan bot dan lain² alat. Sa-lain daripada dua buah sekolah latehan yang kita ada dalam negeri ini, ia-itu satu di-Pulau Pinang dan satu lagi di-Trengganu, maka pehak Kementerian ini juga telah pun membuat satu permintaan kapada Tabong Kemajuan Bangsa² Bersatu supaya dapat badan ini memberi bantuan kapada kita di-dalam usaha mengadakan pusat latehan perikanan di-Pulau Pinang. Segala urusan, kajian dan siasatan telah pun di-jalankan dan sa-bagaimana yang saya telah sebutkan di-satu masa, ia-itu pehak badan itu sedang mengkajikan masaalah itu dan insha' Allah kita akan dapat tahu hasil-nya di-pertengahan tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson, telah meminta supaya lebeh memberi publicity berkenaan dengan buah²an yang boleh di-proseskan dalam negeri ini. Bahagian Kaji Teknik Makanan di-dalam ranchangan membuat ujian telah dapat membuat beberapa product² yang telah dipamirkan di-pertunjukan MAHA dan saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu sendiri telah merasa, atau di-beri rasa hasil daripada siasatan dan kajian

yang telah di-buat oleh Bahagian ini—saya sendiri hadir pada hari yang tersebut, kalau ta' silap.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak, Enche' Tan Tsak Yu telah berchakap berkenaan dengan menanamkan tanaman padi di-dalam negeri Sarawak, maka di-sini saya rasa ta' payah-lah saya jawab lebih panjang lagi, kerana pagi tadi saya telah menjawab satu soalan yang di-bangkitkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah menyatakan, ia-itu peruntukan sa-banyak \$56,000 untuk Makmal Haiderol tidak-lah chukup. Maka di-sini saya suka menerangkan, ia-itu dengan ada-nya pehak D.I.D. hari ini mengambil bahagian di-dalam ranchangan Sungai Muda kebanyakan daripada pegawai² kajian-nya sama ada yang bekerja di-makmal, atau di-luar, ada-lah juga terpaksa mengambil bahagian di-dalam ranchangan Sungai Muda ini. Jadi pada masa ini pegawai² yang tinggal lagi di-makmal di-Kuala Lumpur ini ada-lah sedikit bilangannya dan di-fikirkan tidak-lah mustahak di-tambah lagi peruntukan daripada yang ada itu. Sa-telah ranchangan² di-Sungai Muda itu siap, maka bolehlah pula kita menumpukan kerja² di-makmal kita yang ada di-sini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah pun menerangkan ia-itu Sharikat Kilang Padi tidak di-benarkan membeli jentera² daripada wang² modal, atau keuntongan-nya. Di-sini saya suka menerangkan, ia-itu di-bawah Tambahan Peratoran² Sharikat² Kilang Padi, ada-lah di-luluskan membeli jentera, ma'ana-nya di-benarkan membeli jentera, sa-kira-nya sa-sabuah sharikat kilang padi di-Johor tidak di-benarkan membeli jentera dengan nasehat pegawai kerjasama, saya perchaya Pegawai Kerjasama telah menasihatkan demikian, oleh kerana barangkali pembelian itu di-anggap tidak ekonomik, atau pun ada satu² sebab, tetapi tidak-lah pula di-larang oleh undang² Sharikat Kilang padi itu membeli jentera pengilang padi. Jadi kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu maseh lagi ta' puas hati, minta-lah sampai perkara itu, sama ada bertulis

atau sa-chara lisan, atau datang berjumpa saya insah' Allah saya akan dapat uruskan.

Banyak lagi perkara² yang di-bangkitkan, saya rasa sama banyak dengan apa yang saya jawab ini tadi, tetapi saya rasa ta' payah-lah saya jawab, melainkan saya akan mengambil perhatian dan akan memberi timbangan kapada perkara² itu. Chuma satu sahaja perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli dari Larut Utara dan beberapa orang lain, ia-itu berhubung dengan Menteri Muda, Parliamentry Secretary, asingkan pejabat dan sa-bagai-nya.

Jadi, saya suka-lah menegaskan di-sini dengan satu perkataan sahaja, ini bukan-lah hak saya, tetapi ada-lah prerogative, atau pun hak mutlak Perdana Menteri, jadi terpulang-lah kapada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sendiri.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$24,106,632 untuk Kepala B. 12 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambung sa-mula.

Kepala B. 13—

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Biasa bagi Kementerian saya bagi tahun 1968 ia-lah sa-banyak \$5,441,582 saperti berikut:

Gaji	...	\$2,976,661
Lain ² Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun	...	2,386,031
Perbelanjaan Khas	...	78,890
Jumlah	...	\$5,441,582

Anggaran bagi gaji bertambah sa-banyak \$751.00 berbanding dengan anggaran bagi tahun 1967. Tambahan yang sedikit itu, ia-lah di-sebabkan kakitangan dan pegawai² di-Bahagian Kemajuan Perusahaan telah di-kurangkan dan di-tubuhkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan.

Perbelanjaan di-bawah Pechahan²-kepala 2 sampai 98 ada-lah bertambah sa-banyak \$368,036 berbanding dengan tahun 1967 dengan sebab² seperti berikut:

1. Charum kepada Majlis Daya Pengeluaran Kebangsaan daripada \$250,670 kepada \$570,000 tambahan sa-banyak \$322,330.

2. Peruntukan bagi perbelanjaan di-bawah Pejabat² Pesuruhjaya Perdagangan Ibu-pejabat telah bertambah, kerana dua pejabat akan di-buka supaya tidak melebihi peruntukan yang di-hadkan kepada Kementerian saya peruntukan² di-bawah Pechahan²-kepala yang lain telah di-kurangkan.

Perbelanjaan Khas kurang sa-banyak \$215,766. Jumlah yang di-kurangkan sa-banyak \$215,766 di-bawah Perbelanjaan Khas ini ia-lah di-sebabkan:

1. Pemansokhan pemberian kepada Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan untuk perbelanjaan pentadbiran sa-banyak \$91,452 yang sekarang ini di-masokkan di-bawah Anggaran Pembangunan.

2. Perbelanjaan² bagi Rombongan Perdagangan Luar Negeri di-kurangkan dengan chuma tanda peruntukan sa-banyak \$10 sahaja.

Tuan Pengerusi, saya chadangkan Perbelanjaan ini menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Dr Tan Chee Khoon (Batu) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I refer to page 121, the item of \$36,000 for the salary of the Honourable Minister of Commerce and Industry.

Mr Chairman, Sir, the Honourable Minister reminds me of a story in Roman mythology—it reminds me of the story of Janus. The Minister probably will remember that Janus is

depicted as a person having two faces. Now, Mr Speaker, Sir, in the reply to the debate on the Budget speech, the Minister went to great length to assure this House that there was nothing to worry about the Public Debt. He stated that, "You know, in other countries the Public Debt is far worse and we should be very lucky that this efficient Alliance Government is taking care that we are keeping the Public Debt to its very lowest minimum". Now, yesterday the cat was out of the bag. In addressing the Rotary Club yesterday, the Minister expressed great concern. He expressed the fact that, if I remember rightly, since 1955 to 1966 the debts owed by developing nations to developed nations have increased from \$4 billion to \$11 billion and the interest repayment has increased from \$½ billion to \$4 billion. Now, these two statements do not add up. On the one hand, he came to this House and told us, "Don't you worry. The civil servants are very efficient. We in the Alliance Government are very efficient. Don't you worry about the Public Debt". In talking to the captains of industry, presumably he wants to tell a different story. He told them, "Oh, no. This is a very serious thing that UNCTAD and ECAFE and others have to look into", and I agree with him very entirely, except that he should not have painted such a rosy picture.

The other thing I want to remind the Honourable Minister is that I think he had a little hand in this crystal ball gazing about the price of rubber.

Dr Lim Swee Aun: On a point of clarification, Mr Chairman, Sir. The Honourable Member has certainly chosen to misinterpret what I said in my reply to the general debate. What I said was that although the size of the Public Debt of the country amounted to about \$3,500 million, only \$541 million or so was external debt; the rest was internal debt. That is the important thing. Whereas in the Rotary Club yesterday, I did say that the external debt of developing countries has been increasing—which is important.

Dr Tan Chee Khoon: For the information of the Honourable Minister, Mr Chairman, Sir, when the Alliance Party came into power, the external debt of this country was zero—it was all internal debt. Today it stands at \$500 million-plus, and we know it is rising very steeply.

Be that as it may, Mr Chairman, Sir, if I may continue. I believe the Minister had a little hand in this crystal ball gazing about the price of rubber. The Minister of Finance boldly told this House that he looked into the crystal ball and there the figure of 50 cents per pound was written—and I believe the Minister of Commerce and Industry had a hand in it. He knows today, Mr Chairman, Sir, that the price of rubber today is 43 $\frac{4}{5}$ cents per pound, which is a disastrous price for this country. Nowhere since the first of January has the price touched 50 cents per pound. So much for the crystal ball gazing of our Honourable Ministers—be it Finance or Commerce and Industry.

Mr Chairman, Sir, I go to page 123, the Tourism Division. There you have six persons whose P.E. amount to \$37,530. On page 137 there is an O.C.A.R. of \$331,050 of which \$260,000 is meant for publicity abroad. Then on page 142, there is an O.C.A.R., Sub-head 104, Local Publicity—\$20,000. I maintain, despite what the Honourable Minister of Commerce and Industry will say, that the efforts that we put in to attract tourists into this country, to put it very mildly, is chicken feed. Look at it, six persons to try and attract tourists into this country with the fall in price of rubber to a new low of 43 cents, and I dare not gaze too much into what they have been gazing. Mr Chairman, Sir, it may well come to 40 cents and break the 40-cents-barrier. Be that as it may, they know that with the price of rubber going down and down, it is important that we should find some other means of revenue and one of the best ways of finding money, as the Minister of Commerce and Industry knows, is the encouragement of tourism, where you encourage people to come from abroad

and empty their pockets here—I mean legally, of course, not illegally. But, you see there are six persons manning the Tourism Division and they have so very little to spend. Instead of junketing across the globe, I think he should increase the allocation for this, and I shall show him how he can increase it even within the present allocation within his Ministry. He should increase the allocation for this Tourism Division, and we should try our level best to increase the number of tourists coming to this country. You know, when they go to Japan, or when the Japanese, with their affluent society now, want to come to Singapore, they stop short at Singapore and refuse to come here for a variety of reasons—amongst others, immigration difficulties; and I am yet to see here in print or hear the Minister say something of the difficulties of tourists coming into this country. One would have thought that the Minister, the moment he saw the difficulties encountered by the Japanese tourists, would have got in touch straightaway with the Immigration Department and asked them, “Apa macham, these chaps are not coming in here, my Ministry is not getting enough money for the Treasury”. Mr Chairman, Sir, I want to ask the Minister what has he done, apart from putting up placards, bill-boards and the like, to encourage tourism in this country? Has he, for example, started or encouraged the hoteliers in this capital city to start a training scheme for hoteliers in this capital city? I dare say he has not. Singapore has. I do not say that we should always follow Singapore, but obviously when in Singapore their hotel space is not enough to accommodate all the tourists and some of them have to spill over into Johore Bahru, then obviously we should take a leaf out of the methods employed by Singapore.

The other thing is that the hoteliers also are grumbling that for every T.V. set and for every radio set they have in their rooms, they have to take out a licence. One would have thought that the kind-hearted Minister of Commerce and Industry, if he were really interested in encouraging tourism in

this country, should have got in touch with the relevant authorities and say, "Look here, this is absurd. In Hotel Merlin they have 104 sets or something of that sort and you want them to pay for 104 licences. Surely you should be more sensible and try and cut down these fees for the T.V. sets that they have".

Sir, another thing is that one would have thought that the Minister should *bengkok* backwards to try and help the hoteliers, when they want to put up buildings. We have got an antiquated set of by-laws, which say that there is a plot ratio of two and that you cannot build without so much space for parking of cars and the like. This is not all, and there are others that I have mentioned long ago. If the Minister helps those in the tourist industry, I am sure we can still go a long way towards attracting more tourists into this country and actually, to use a colloquialism, "tourism is gaji buta"—they come in, you ask them to empty their pockets and then send them empty-handed with a few souvenirs from this country.

Now, Mr Chairman, Sir, I come to page 138. Under O.C.A.R., H.Q., there is a sub-head, Sub-head 28, Transport and Travelling. In 1967 it was \$18,114. This year it has increased to \$94,986, a five-fold increase. Now, I shall be very grateful for an answer from the Honourable Minister. He cannot come and tell this House that the work in his Ministry has increased five-fold and that therefore the transport and travelling should be increased five-fold. This is where I stated that within the present allocations in his Ministry, he can save a great deal in order to channel funds to this Tourism Division.

Now, Mr Chairman, Sir, on pages 138 and 139, if one looks at these very carefully, in particular, the item for transport and travelling—I have already mentioned the five-fold increase in transport and travelling—if one looks at Rent and Rates for all the Trade Commissioners presumably in all the various countries, in almost all cases

it has been cut down by half, except for Austria, where for some curious reason the Rent and Rates have been more than doubled. In the other instances, the Rent and Rates have been cut down by half. Now, I submit that if, for the premises which have been occupied by the Trade Commissioners in the past, we have been paying, let us say, in the case of Italy, for example, \$32,500 in 1967 and now we are paying for the same building \$15,000, then we have been diddled in the past, Mr Chairman, Sir—and it is about time that the Honourable Minister of Commerce and Industry looked very hard at these figures, because if you look at all these Trade Commissioners' offices except, I reiterate, for Austria, the figures have been cut down by half.

Then, again, on pages 142 and 143, again for the offices of the Trade Commissioners, there is a very interesting item of Office Furniture and Equipment. In almost all these instances, the allocation is repeated this year. I would like to have an explanation from the Honourable Minister of Commerce and Industry why every year he must buy office furniture and equipment—it is an annually recurrent item. One would have thought that having bought your desk, bought your typewriter and the like, although there may be the need in future to buy a few things, you should not spend as much as in the previous year.

Dr Lim Swee Aun: Sir, I had better clarify this point now, just in case the Honourable Member is not here when I explain later. Now, as for the provision for these Trade Commissioners, some of them were made last year and were not spent and therefore are being carried forward to this year. Hence these figures are repeated. They have not been spent last year—that is why there was some saving.

Dr Tan Chee Khoon: I take it that unless the Minister is sure that none of the sums allocated last year was spent, then only there is justification for spending the same sums this year. If

some of it at least had been spent in the past, then we should not spend the same amount this year.

Dr Lim Swee Aun: We will never allow it to happen, Sir.

Dr Tan Chee Khoon: When you are a Trade Commissioner, you meet all sorts of people, you get all sorts of bright ideas and you may even diddle your own Minister of Commerce and Industry.

Mr Chairman, I come to page 130—Standards Institute. I need hardly stress to the Honourable Minister of Commerce and Industry that this is a very important quasi-government institution within his Ministry, and with industrialisation proceedings, the Minister thinks it is proceeding at full blast, but I do not think it is proceeding as fast as it should, but be that as it may, with industries springing up, there is an urgent need to standardise our products to see that our products reach internationally—accepted standards, and this is particularly important, for while the entrepreneur can, if he chooses to, exploit a captive market for whatever things we send abroad, if they do not reach acceptable international standards, then we just lose out to our competitors, and the Minister knows that competition is very, very keen in the export market. I would like to have an explanation from the Minister as to why so little is being allocated for P.E. Surely, if the Standards Institute of Malaysia is to function properly, then it should have a whole heap of experts, particularly with technical “know-how”, so that they can examine and set standards for the various products that are being manufactured in this country. I gather that there has been a little difficulty regarding salary scales, I do hope that the Minister will be able to convince either the P.E.O., the P.S.C., or even the hard-hearted Treasury that when you want to get technical people with the requisite technical “know-how”, if you go by the salary scales as laid down by the P.E.O., then you are not going to get anybody as anywhere near the required standards as you think you should have. Consequently, a clarification from the Minister on this

point that salary scales for the technical officers of the S.I.M. have been approved and that the posts will be advertised locally, in the first instance, so that local people with the requisite qualifications and experience who can serve in this important Institution will be welcome.

Mr Chairman, earlier on, I have referred to the importance of the setting of standards and the importance of seeing that the domestic market is not diddled by the manufacturers. Mr Chairman, Sir, I have here two voluminous files with me and they refer to a firm known as the Hume Industries (Malaya) Berhad. Mr Chairman, Sir, in this firm, the Sales Manager and the Works Manager have been supplying to the P.W.D., the F.L.D.A. and other private organisations poor quality products that have been manufactured below the standards specified either in the contract specifications, or in the B.S.S., i.e., British Standards Specifications. Mr Chairman, Sir, I gather that according to the B.S.S. you need to do about fifteen tests in all, and with your permission I shall read some of these tests that have to be carried out. Some of these tests include: testing of fitness; testing of straightness; a pot test; a hydraulic test; a girth test; a water absorption test; an acid solution test; a bend test; a crush test; a porosity test; and other tests amounting to about fifteen to twenty tests. I gather that all the products that are produced by this firm, whether it be Hume pipes or asbestos sheetings, should pass each and every test. In other words, if the sample sheet fails in one test, then that whole group should not be certified as conforming to B.S.S.

Now, I gather that this firm carries out only four to five tests. What is worse, they have three sets of forms: one form for those which passed, according to them, the tests that they have set; a blue form where some of these are withheld in stock, that is, those that have not passed all the tests and, perhaps, failed in one or two tests and they withhold them in stock; and they have the red form for defective or “reject” products. In other words,

these should not be sold. Now, I gather, the practice of the firm is that they send out those that have passed the tests. Those that have been withheld, after a period of time they slowly put them into circulation again and send them out to the P.W.D., or to the F.L.D.A., or private organisation, and, worse still, some of these that were "reject" have also been sent into circulation. Now, this is a very serious matter, Mr Chairman, Sir, because, as I see quite a number of these firms are exploiting a captive market. It is true that in this instance the Hume Industries (Malaya) Berhad has a rival in the United Asbestos Co., but nevertheless, I think most of the business has been cornered by the Hume Industries (Malaya) Berhad. I would urge the Minister to get on with the Standards Institute of Malaysia to see that the tests as specified in the B.S.S. should be carried out fully by the company before the products are put into the market and that the P.W.D. when it receives these products should also carry out their own tests independently.

Mr Chairman, Sir, there have been frequent complaints from the P.W.D. that the pipes sent to them have burst. Evidence of these rejected pipes can be found in quite a number of roads, alongside the roads. I have here with me, Mr Chairman, (*showing photographs*) evidence of quite a number of these pipes that have burst and the engineers there have looked at them. With your permission to show these, Mr Chairman, quite a number of these pipes have burst by the side of the road, which means that sub-standard pipes have been sent to the P.W.D. and to others. The question I would like to ask the Government is, has the P.W.D. also carried out the tests themselves to see that these pipes that have been supplied by the Hume Industries (Malaya) Berhad conform strictly to the contract specifications or to B.S.S.? As you know, Mr Chairman, Sir, I have before me these two files and I have reported this matter to one of the highest persons in the land, and I believe the matter has been reported to the Anti-Corruption Agency. It is part of the job of the Minister of Commerce and Industry to see that

standards are maintained, and that is why I am bringing this matter before this House to the attention of the Minister. I see today is the 8th February, 1968. I do hope that the Minister need not have to wait one long year to give me an answer as to what has happened to these allegations that have been made by me and substantiated in full in these documents that I have before me. As I said, the Anti-Corruption Agency has access to these files, but since this is a very highly technical matter, and, after all, the Anti-Corruption Agency officials are mainly *matas*² and would not have a clue, as I must confess I do not have a clue, as to the number of tests that have been carried out, I do hope that the Minister will instruct the Chairman of the Standards Institute of Malaysia to extend his fullest co-operation to the Anti-Corruption Agency in trying to unravel "how-come" sub-standard pipes have been sent to the P.W.D. and sheets to the F.L.D.A.

Sir, there is a phenomenon that has just cropped up in this country which I would like to bring to the attention of the Honourable Minister. Mr Chairman, Sir, in other countries people have made good in life in the private sector. In other words, they have made their mark either in law, in medicine, in commerce or in industry. They are captains of industry and the like. Examples are Mr McNamara and Mr Clifford. Now, they have made their mark in the private sector and then they are drawn in into the public sector and when they do so, Mr Chairman, Sir, they sever their connections with the private sector, so that there can be no question of conflicting interests. Now, in this country there is a new phenomenon cropping up in the reverse direction. I have brought to the attention of this House how the Chairman of the N.E.B. had agreed to be one of the Directors of the Aluminium Cables Co. Ltd, and how as a result of a question that I raised in this House, I think, the Chairman of the N.E.B. wisely withdrew his name. Now, I wish to bring to the attention of this House of the Chairman of the F.L.D.A., Tan Sri Taib bin Andak. He has agreed to be one of the Directors

of this Company—the Hume Industries (Malaya) Berhad. Sir, this is a very serious thing. As I mentioned before, this Company supplies asbestos sheetings for thousands of houses built by the F.L.D.A. Consequently, if the Chairman of the F.L.D.A. were to become a Director of the Company, and indeed he has become a Director of this Company, then what chance has other companies got in competition against this said company? I am glad that as a result of the representations that I have made with the Government, I think there was a phone call made to Washington last week, and as a result of that, Tan Sri Taib bin Andak has resigned from the Board. I think the reason given was owing to pressure of work, and the Company, I think—this is my information—has discreetly backdated the resignation to the 31st of December, 1967. I made a representation some time early this year when the House started sitting on the 18th of January. So, he could not have resigned on 31st December last year, because I brought it to the attention of a Minister and I told him bluntly that it is absurd that the Chairman of the F.L.D.A. should be a Director of this firm and that he should be asked to resign. To the credit of the Minister, he agreed with me entirely and as a result of his action presumably Tan Sri Taib bin Andak has resigned as a Director of this firm. But, as I said, they have manipulated things that it was backdated to 31st December, 1967.

Finally, Mr Chairman, Sir, I do want to bring to the attention of the Honourable Minister of Commerce and Industry the dispute between the N.E.B. Union and the N.E.B. and indeed with the Minister himself. In answer to one of the letters that I have read here, during an earlier session of this House, when I stated that the N.E.B. had agreed to negotiate, the Minister quite correctly asked me a pertinent question. "When?" he asked me. With your permission, Mr Chairman, Sir, I will tell the Minister, and this is in writing as to when the N.E.B. agreed to negotiate. Sir, I have here with me a letter dated 25th August, 1966, and it states:

"I understand that the date for this meeting is to be 9th September, 1966,

although Management would be quite ready to fix the date considerably in advance of this." Now, Mr Chairman, Sir, this is in respect of 1966 when the Board was prepared to negotiate. Perhaps, for the information of the Minister, I will read the whole letter. It is addressed to the President, Employees Union, Kuala Lumpur. It is dated 25th August, 1966. For the benefit of the back-room boys, the reference number is Bilangan surat kita: LLN. 01/4/14/6/91. Mr Chairman, Sir, it reads:

"Tuan, I am in receipt of your letter dated 24th August, 1966. Further to the letter of the 3rd August, 1966, I would inform you that the Board is prepared to negotiate revised salary scales with your Union together with the revised salary scales of all other grades of staff. The Board must reserve the right to negotiate with the other Unions at the same time to avoid repercussions and anomalies between the different scales. To this end, it is proposed to hold a Joint Industrial Council meeting at the earliest suitable moment suitable to the Staff Side, at which the claims can be clarified. I understand that the date for this meeting is to be the 9th September, 1966, although Management would be quite ready to fix a date considerably in advance of this.

Yang benar,
(Signed) F. R. WARDROP."

Dr Lim Swee Aun: The key word in that letter is "We are prepared to negotiate on the 'anomalies'." Is that correct?

Dr Tan Chee Khoon (Batu): No, no. Perhaps I would read again, "The Board is prepared to negotiate revised salary scales,"—revised salary scales with the Union and in order to avoid repercussions and anomalies between the different unions; it does not say they are prepared to negotiate on anomalies alone. It is prepared to negotiate revised salary scales. Now, as I pointed out before, the story of this negotiation and claim by the Union is a story of broken promises by the N.E.B., by the Minister of Commerce and Industry and the Minister of Labour, and I think they should be thoroughly ashamed of themselves in making use of the Industrial Relations Act; and indeed it was an amendment to the Industrial Relations Act that caught the N.E.B. under its widespread net. In the original Industrial Relations

Act, quasi-Government bodies were left out. The Government in its wisdom, in November, 1967, brought in this amendment to rope in the N.E.B.

Mr Chairman, Sir, I would say that the Minister of Commerce and Industry now should make use of his good offices to try and re-open negotiations. I do understand that it is very "malu" on the part of Government having adopted one stance to back down, otherwise you know you will have a heap of other unions jumping down on your necks. But the Minister just now interrupted me and talked about anomalies. Now his colleague, the Minister of Finance has openly stated the Government is prepared to straighten out anomalies where they exist and I did see that the Minister of Commerce and Industry nodded in agreement. Now, if the Minister would make use of his good offices and leave out the revised salary scales and tell the Union, "Now, let us be a little sensible. The wretched Minister of Labour, it was he, you know, and it was not me, who advised the Yang di-Pertuan Agong to let the claim hang in mid-air. You cannot go to arbitration, you cannot strike, you are suspended in mid-air in animated suspension. But, you know, anomalies are a different thing altogether." Now, if the Minister will try and re-open this question with the Union and try and solve these anomalies where they exist, I think it will improve the climate between the N.E.B. and the Union and as between the Minister and the Union. I commend this idea to the Minister. Thank you.

Dr Lim Swee Aun: Sir, I would like to clarify this point. I think the House should be clear on this point, as there are several Unions in the N.E.B. The Union for the I.M.G. group has asked for revision of the salaries, although they had agreed to accept an interim payment of \$12.50 or 5%, whichever is the higher, and had agreed to wait until the Suffian Report was accepted by Government. Now, on that score, the Government is not prepared to negotiate to revise the salaries until the Suffian Report has been accepted. Now, that is the position. But there is another group, the Union of the Senior Officers,

who also asked for revision of salaries, but the Government is prepared to talk to them on correction of any anomalies. We have made that offer to them, but they have not accepted it.

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification, Mr Chairman, Sir. All this time I have been talking of the L.L.N. Employees Union, the group that represents the I.M.G. group of workers, and they too have anomalies, not that they do not have anomalies; they have anomalies, and if the Minister is told otherwise, then he has been misinformed. They have anomalies and they are prepared and anxious to straighten them out with the N.E.B., but unfortunately nothing is done.

Dr Lim Swee Aun: Regarding the I.M.G. group, we agree there possibly may be anomalies—I do not know—but their contract expired some time ago—I think in August, 1965 after the Suffian Commission was started. Now, the I.M.G. group in the Government also wanted to have their salaries revised but agreed to accept \$12.50 or 5% whichever is higher, pending the acceptance of the Report of the Suffian Commission. Similarly, the I.M.G. group in the N.E.B. was given the same conditions and these were accepted. But now they have come back and said, "We want to revise the whole salaries scheme". So, we have said we cannot revise the whole salaries scheme until the Suffian Report has been accepted; otherwise there would be anomaly in the treatment, or discrimination of treatment between Government I.M.G. group and the N.E.B. I.M.G. group.

Dr Tan Chee Khoon: If I may go a little further Mr Chairman, Sir, the Minister says there might possible be anomalies. Now, if he goes back and ask the N.E.B. and the N.E.B. tells him that there are anomalies, in fairness to this group of workers, should he not re-open negotiations with the I.M.G. group of workers in the N.E.B. over the anomalies that may exist?

Dr Lim Swee Aun: In any case, any negotiations would have to wait until the Suffian Report comes out because

anomalies would have to be gauged upon the yardstick that will be established by the Suffian Report.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, saya dengan sukacita-nya menyokong perbekalan yang di-untokkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, dan saya menguchapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri, yang mana sa-puloh tahun lebeh kita telah merdeka, dalam sa-kejap masa sahaja kita telah dapat mengusaha ka-arrah kemajuan, ia-itu dalam bahagian perusahaan atau industri yang mana mendatangkan banyak faedah dan kebajikan kepada ra'ayat kita semua. Saya tidak lengah lagi, Tuan Pengerusi, hendak memasoki yang pertama. Saya suka sentoh pada muka 140, Pechahan-kepala² 81 hingga ka-86, ia-itu berkenaan dengan Perdagangan kita di-Russia. Kita sekarang telah merdeka dan berdaulat, maka sekarang baharulah kita dapat melihat nama Russia, atau Moscow terchatet di-dalam *Estimate* kita. Saya menguchapkan terima kaseh kerana dapat sahabat yang boleh menolong kita, kerana dahulu sa-masa kita di-bawah kuasa penjajah, hinggan kanak² sekolah kita pun tidak diberi tahu, atau menyebut berkenaan dengan Russia di-haramkan sama sekali, sa-hinggakan Paspot International pun di-chap dan tidak boleh pergi ka-Russia. Siapa pergi sana di-tangkap, kalau dia boleh. Tetapi sekarang sudah terbalek pula. Itu-lah saya uchapkan berbanyak² terima kaseh, Tuan Pengerusi.

Saya suka lagi menyatakan dalam Dewan yang mulia ini supaya kita banyakkan lagi perdagangan dengan negara², tidak kira-lah kepada siapa, oleh sebab memandangkan dasar Kerajaan kita pada hari ini tidak bergantung kepada getah dan bijeh dan kita memandangkan kepada kesempitan ra'ayat hari ini, lebeh² lagi dalam kawasan luar bandar, asalkan dia hendak, atau barang² kita boleh masok ka-negara-nya, tetapi dengan sharat jangan-lah sambil berdagangan menjalankan subversif pula. Tetapi nampak-nya Russia telah memulakan dengan membeli getah dengan kita sa-chara terus-menerus dan *direct* tidak lagi melalui

orang tengah. Jadi ini-lah chara-nya yang patut kita tunjukkan bahawa orang kita pun boleh juga menjalankan pasaran sa-chara international. Dahulu saya dengar, Tuan Pengerusi, sa-hinggakan membungkus getah pun orang kita tidak tahu dan terpaksa-lah pula kita membawa ka-tempat lain untuk di-bungkuskan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam anggaran ini, saya suka hendak sentoh yang kedua-nya di-muka 136, Pechahan-kepala 5—Belanja Seranta Bahagian Kemajuan Perusahaan. Dalam Bahagian ini, Tuan Pengerusi, saya ingin membawa pandangan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa Bahagian ini kurang memainkan peranannya, terutama sa-kali kepada pekedai² bahawa hendak-lah Bahagian ini membuat seranta, atau penerangan kepada mana² cheroK yang boleh di-salorkan. Apa yang di-dapati, Tuan Pengerusi, pada masa sekarang pekedai² hanya menjual barang² buatan di-negeri² yang tidak banyak membuat dagangan dengan kita. Kadang² kalau kita hendakkan sa-suatu yang ada, kita tahu di-usahakan di-negeri kita, apa kata-nya taukeh² pekedai ini, "Oh! barang itu tidak sedap dan ini tidak baik," dan sa-bagai-nya. Ada kala-nya barang² itu mahal. Ini-lah gejala² yang menghalang kemajuan negeri kita yang patut kita patahkan dan hapuskan sama sa-kali, terutama sa-kali, Tuan Pengerusi, pekedai² tempat pengguna² berhimpun untuk mendapatkan barang² untuk menggunakan barang² tempatan dengan sa-berapa yang dapat.

Di-dalam Kementerian ini juga, saya mengambil pandangan kepada muka 137, Pechahan-kepala² 20 hingga ka-25, ia-itu mengenai Yayasan Suktan dan Darjah. Sekarang, Tuan Pengerusi, kita ada Local Assembly Plant. Jadi, kita hendak-lah gunakan berapa banyak barang² tempatan yang boleh di-gunakan, atau di-jadikan perkakas, di-kenakan dengan tidak kira-lah kepada kereta, radio, motor cycle, dan Yayasan ini hendak-lah mengakui bahawa barang² tempatan ini ada-lah sama mutu-nya dengan barang² buatan international supaya tidak keraguan dan siapa yang menchemarkan barang² buatan tempatan ini tidak baik, atau

tidak tahan lama seperti barang² lain. Hendak-lah kita ikhtiarkan, membuat satu undang², atau satu Act supaya senang kita tadbirkan dan kita masokkan orang² ini dalam gulongan pengkhianat dan juga pehak Kerajaan hendak-lah menjunjukkan mutu dan darjah barang² seperti kereta, radio, talivishen dan lain² perbuatan tempatan dengan menggunakan-nya. Dengan jalan ini ra'ayat tidak-lah ragu hendak membeli barang² buatan tempatan.

Ada sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi, suka saya sentoh yang mana selalu mendapat rungutan daripada ra'ayat yang saya dengar, ia-itu saya suka sentoh di-Bahagian di-muka 123, Butiran (49)—Pengawal, Bahagian Perusahaan yang anggaran-nya \$95,203.00. Apa yang saya minta dalam Bahagian Perusahaan ini, Tuan Pengerusi, ia-lah supaya dapat Kementerian ini berikhtiar, ia-itu membuka sa-buah Pejabat Kechil di-perengkat tiap² negeri, atau di-tempat² di-mana ra'ayat fikir tidak menyusahkan mereka, mithal-nya, Tuan Pengerusi, ra'ayat di-sabelah utara atau di-sabelah selatan apabila hendak merundingkan hal² perusahaan dan perdagangan, terpaksa mereka itu datang ka-Ibu Kota Kuala Lumpur dan memakan masa dan perbelanjaan. Maka kalau-lah di-adakan Pejabat di-perengkat Negeri, maka kebanyakan kesusahan itu tidak-lah terasa sangat, saya tengok kebanyakan Kementerian ada bahagian-nya di-perengkat Negeri, tetapi Kementerian ini, saya belum lagi dapat tahu ada di-perengkat² Negeri. Jadi itu-lah saya harap dapat Menteri yang berkenaan ini berusaha menubuhkan pejabat-nya di-tiap² Negeri.

Saya tidak berchakap panjang, Tuan Pengerusi, yang akhir-nya sa-kali suka saya sentoh di-dalam Butiran (128) dan (156)—Pendaftaran Sharikat. Dan yang akhir ini, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sharikat² baharu yang hendak di-tubuhkan, hendak-lah di-tinjau kembali tentang pekerja²-nya, hendak-lah di-buat syarat yang ketat. Pekerja² hendak-lah terdiri dari orang² kita, jangan-lah orang² lain. Apa yang kita dapati, dan saya dapati, Tuan Pengerusi, pekerja² kapada sharikat², atau fekteri², sunggoh tidak memuaskan

hati, ia-itu kebanyakan terdiri daripada orang lain. Ada juga sharikat, atau gudang² suka membawa, atau transfer orang-nya, mithal-nya kalau sharikat itu bermula dari Singapura, maka dibawa-lah pegawai², atau staff-nya transfer ka-sini dan bekerja-lah mereka itu dan menyekat kemajuan orang² kita yang menchari pekerjaan.

Jadi dalam perkara sa-macham ini hendak-lah mendapat jaminan daripada pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan bahawa orang² yang datang dengan chara transfer ini, hendak-lah di-pulangkan dengan sa-lekas mungkin, dan sa-terus-nya tentang pekerja² daripada bumiputera pula saya alehkan, Tuan Pengerusi, juga hendak-lah di-tinjau kembali, kerana kita dapati sekarang terlalu sedikit sangat yang dapat bekerja di-dalam fekteri² yang baharu yang terdiri daripada bumiputera.

Jadi saya berharap Menteri Yang Berhormat ini berikhtiar-lah supaya pekerja² daripada bumiputera pun hendak-lah sama banyak-nya daripada bukan bumiputera. Ini-lah satu chara yang dapat meleakaskan lagi perpaduan dalam erti kata yang sa-benar-nya. Ta' usah-lah di-kira per cent atau peratus lagi kapada orang² bumiputera yang boleh bekerja dalam industri² dan hendak-lah di-kira sama banyak sakurang²-nya, kalau boleh 50 peratus bersama² dengan ra'ayat yang warga-negara yang ada dalam negeri ini. Terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya turut mengambil bahagian dalam Kementerian ini, chuma saya hendak berchakap dengan chara ringkas sahaja, ia-itu Bahagian Barang² Ekspot, muka 122. Saya hendak sentoh dalam bahagian Pengawal Barang² Ekspot ini. Sejak negara kita ini mencapai kemerdekaan, dasar ekonomi kita mempunyai dasar yang bebas—free enterprise, ia-itu satu langkah yang paling bijak dan banyak penanam² modal telah dimasokkan dalam negeri ini, tetapi satu perkara, Dato' Pengerusi, yang dihadapi oleh sharikat² perusahaan di-negeri ini untuk mengeksport hasil

perusahaan keluaran negeri ini telah menerima sekatan, kerana menerima persaingan, pertandingan dari negeri luar. Oleh itu, menurut hemah saya, bagi mengatasi kesulitan ini, Kerajaan supaya mencheptakan penubohan Majlis Penggiatan Ekspot. Tujuan-nya, ialah memudahkan pengeluaran barang² ekspot kita daripada Malaysia ini keluar negeri, di-samping itu perusahaan kita dapat di-perkenalkan lebeh² mudah dan hasil perusahaan kita dapat di-bawa keluar dengan lebeh banyak.

Satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap dalam muka 124, Bahagian Perdagangan, ia-itu Pengawal Perdagangan. Saya chuma hendak menyentoh perdagangan dalam lapangan getah. Getah sejak masa² yang akhir ini, terutama sa-kali di-rasai oleh pekebun² kecil kita yang di-luar² bandar, ada kedai² pelesen getah yang enggan membeli getah mereka, kadang² mereka beli getah itu dengan harga yang murah. Ini satu sungutan dan kesulitan kapada penduduk² kita yang mempunyai kebun kecil.

Dato' Pengerusi, bagi mengatasi masaalah ini dapat-lah hendak-nya Kementerian ini supaya menubuhkan Lembaga Perusahaan dan Pemasaran Getah bagi Pekebun Kecil untuk menjamin penetapan harga getah asli itu. Saya fikir, dengan ada-nya ranchangan ini, Dato' Pengerusi, dapat-lah memberi jaminan nasib pekebun² getah kita—pekebun kecil kita saperti mana yang telah Kerajaan buat dalam FAMA—Lembaga Pemasaran Padi dan Kelapa.

Kalau masaalah penanam padi dan penangkap ikan sahaja yang kita baiki nasib hidup-nya, ra'ayat kita yang bergantung mata pencharian-nya dalam perusahaan getah ini tidak kita penohkan usaha-nya, saya fikir, ra'ayat akan mendapat lebeh kechewa lagi daripada keadaan yang ada sekarang. Dan saya harap, kalau boleh Yang Berhormat Menteri ini, kalau ada pelesen² getah yang enggan membeli getah daripada pekebun² kecil itu, berurus-lah dengan Kerajaan Negeri, patut di-tarek balek lesen-nya, atau di-gantong.

Yang Kedua, saya nampak dalam masaalah getah ini, Dato' Pengerusi, pemasaran getah asli antara bangsa sa-hingga merupakan operasi yang penoh dengan belit oleh berbagai broker di-Malaysia dan Singapura, walau pun kita sekarang ada Lembaga Pendaftaran Ekspot Getah yang berpejabat di-Kuala Lumpur dan Singapura yang telah di-ujudkan pasaran getah di-Malaysia, tetapi kita sentiasa berlawanan dengan pasaran getah daripada London dan New York. Maseh ramai lagi negara yang hendak menggunakan getah asli, tetapi mereka mengambil getah² asli ini daripada New York dan juga daripada London.

Oleh itu, saya nampak, Dato' Pengerusi, satu usaha yang perlu di-adakan dengan berlebehan², walau pun menggunakan peruntukan wang yang banyak, ia-itu menggubal dasar pemasaran yang lebeh berkesan, yang meliputi kempen seranta yang hebat dan pesat ka-seluruh dunia. Tujuan-nya supaya menerangkan kelebehan dan baik-nya mutu getah asli kita disertakan chontoh²-nya sa-kali dan ranchangan perdagangan melawat keluar itu, patut di-banyakkan, diselalukan keluar negeri untuk memberi tahu kedudukan getah asli kita yang lebeh baik, yang lebeh sempurna.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, ada satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan, ia-itu perhubungan kita sekarang dengan Indonesia boleh di-katakan telah ada pertukaran barang² di-antara Indonesia dengan Malaysia. Barang² yang kita gunakan daripada Indonesia saperti sayor, ikan, begitu juga barang² daripada Malaysia ini di-hantar ka-Indonesia. Memandang baik-nya perniagaan daripada dua buah negara ini, ada satu perkara yang di-kehendaki oleh pedagang² kita di-Malaysia ini supaya Kerajaan menghapuskan chukai tokok ka-tatas kapal² dagang dari Indonesia di-pelabohan Malaysia—ini Singapura telah buat; chukai ini di-hapuskan dan di-adakan kawasan bebas supaya menyenangkan dan menambahkan perdagangan antara dua buah negara itu. Dan satu perkara lagi, walau

pun tidak ada berkaitan dengan Kementerian ini, pedagang² kita yang meminta kebenaran izin-nya daripada Konsul kita yang ada di-Medan minta visa-nya pada Konsul kita yang ada di-Medan sangat lambat, memakan masa dua minggu, atau tiga minggu. Perkara ini kalau orang hendak berniaga, Dato' Pengerusi, memakan masa dua minggu, itu sudah ketinggalan bagi-nya. Hal ini, saya harap dapat kerjasama dari Kementerian yang berkenaan ini dapat mengatasi masalah ini.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap dalam Bahagian Menanam Getah Sa-mula, muka 122, Butiran (37)—Pengerusi. Saya harap Pengerusi Lembaga Menanam Getah Sa-mula ini dapat memerhatikan satu masalah yang saya fikir patut difikirkan, ia-itu bagaimana Rancangan Lembaga Menanam Getah Sa-mula telah memberi bantuan kepada pekebun² kecil ini, tetapi yang saya hendak bangkitkan ini, ia-lah masalah pekebun kecil kita yang terkena mala-petaka alam, dengan sebab banjir, dengan sebab terbakar dan juga dengan sebab di-pukul ribut taupan yang besar—mala-petaka alam. Hal ini, Dato' Pengerusi, bila mana pekebun kecil kita yang dapat bantuan kena mala-petaka alam yang macham ini, mereka tidak dapat lagi hendak memulehkan perusahaan menanam getah sa-mula-itu, pada dasar sekarang. Oleh itu, saya harap, kalau boleh Kementerian ini menimbangkan supaya di-kaji balek, di-beri bantuan dharurat nama-nya kepada mereka yang hendak memulehkan kebun²-nya yang di-musnahkan oleh mala-petaka alam.

Sekarang, Dato' Pengerusi, ribut taupan dalam Malaysia ini di-tiup-nya pokok getah itu, bukan satu ekar sampai beratus² ekar. Kalau yang kena pokok getah orang kaya, itu tidak jadi soal. Ini kena pada orang² yang miskin, orang yang kebun getah lima ekar ka-bawah, tidak ada dapat bantuan, macham mana mereka hendak membaiki taraf hidup-nya pada masa yang akan datang.

Saya fikir yang sa-elok²-nya-lah, kalau dapat Kementerian ini memberi-

kan satu bantuan dharurat nama-nya kepada mangsa² mala-petaka alam. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Dato' Pengerusi, berchakap di-bawah Bahagian Perusahaan, B. 13, muka 123 Butiran (49)—Pengawal Bahagian Perusahaan Perbelanjaan sa-banyak \$17,880. Terlebeh dahulu, Dato' Pengerusi, saya menyokong perbelanjaan bagi Kementerian ini yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan. Saya nampak, Dato' Pengerusi, daripada Singapura, ka-Geneva terus ka-Moscow, kita sudah ada Setia-usaha Perdagangan kita, tetapi saya maseh ragu² lagi kerana barang² yang kita buat di-Malaysia ini, saya rasa tidak banyak sampai ka-tempat² itu, atau pun keseluruhan dunia, sebab di-negeri kita sendiri pun tidak ada banyak barang itu kita buat mutu-nya tinggi, umpamanya di-dalam hal-ehwal barang, kita pakai timba, orang Perak kata chebok dan sa-bagai-nya, sekarang kita sudah kalah dengan perjuangan pelastik. Kita tengok segala²-nya, dahulu-nya tin, inilah nyawa kita, tetapi sekarang ini pelastik telah mengambil tempat di-negeri kita sendiri, kita telah di-tewaskan. Apa harapan kita, Dato' Pengerusi, dapat kita perdagangan barang² kita yang baharu di-buat di-Petaling Jaya, di-Ipoh, di-Tampoi dan sa-bagai-nya menerusi perdagangan yang kita adakan di-seluruh dunia itu, harapan saya tipis, Dato' Pengerusi.

Saya berjalan seluruh Australia, saya tidak tengok pun satu tin buah nenas dalam tin yang di-jual buatan Malaysia, wal-hasil kita banyak mengeluarkan buah nenas dalam tin dan barang² lain lagi. Saya pergi Taiwan, tidak ada juga barang² kita, saya tengok barang² negeri lain juga. Ini, saya kesal sangatlah, Dato' Pengerusi, saya harap perkara ini di-ambil perhatian berat, kerana kekayaan negara kita, kita harapkan kepada Kementerian ini. Dan mengapa kita nanti² lagi, tidak buka satu Pejabat Perusahaan kita, perdagangan kita, di-Hanoi. Hendak nanti bila lagi. Kominis China, di-Peking dan sa-bagai-nya, apa yang kita hendak nanti lagi.

Saya katakan terlebih dahulu, Dato' Pengerusi, kalau ada wang, di-dalam mulut harimau kita mesti chuba mengambil dengan chara tulus ikhlas. Apa kita takut, satu hari kita kena buat. Kadang² saya perhati², Dato' Pengerusi, kita takut orang yang berhidong tinggi, dan berkulit puteh. Kita ternanti². Kita hendak-nya jangan lagi terikat pada Amerika dan British. British sekarang sudah bernyawa ikan, apa kita takut lagi. Kita merdeka, bebas dan berdaulat, kita buat satu jalan yang berseendirian, yang kita fikir patut, berfaedah, memberi untong kepada negara kita.

Dato' Pengerusi, saya masuk pada Pechahan-kepala (7)—Perbelanjaan Bahagian Pelanchongan perbelanjaan sa-banyak \$331,050 dan Pechahan-kepala (104)—Seranta, bagi Malaysia sahaja \$20,000. Pelanchongan juga, Dato' Pengerusi, saya kurang puas hati. Negara kita ini, satu negara yang chantek permai, boleh di-bandingkan yang terbaik sa-kali dalam dunia ini. Ini-lah rahmat Tuhan bagi kepada kita sa-kalian dalam Malaysia, bumi Malaysia. Tetapi kemewahan, kechantekan alam ini, kita tidak gunakan sa-penoh² nya. Kalau kita hendak bawa orang² ka-negara kita, pelanchong² ka-negeri kita, chukup senang, tetapi tenaga kita barangkali kurang sedikit, macham negara di-West Indies, saya tahu, Dato' Pengerusi, umpama-nya Bermuda, Florida dan sa-bagai-nya, hidup samata² daripada Pelanchongan. Kenapa kita duduk diam lagi. Baru² ini ada desas desus dalam surat akhbar mengatakan Jepun tidak dapat masuk sini, perkara benar, susah. Mengapa tidak ada wang untuk Seranta lebeh banyak lagi kemudahan; kita tengok pelanchong² hendak masuk ka-negara kita ini, terhad sedikit di-sebabkan tambak Johor. Mengapa tidak ada satu publisiti, ada satu meja di-Paya Lebar Airport sama menyenangkan pelanchong² datang, pelawakan datang ka-Malaysia ini, dan barangkali perkara ini benar, Dato' Pengerusi, kerana passport-lah satu daripada perkara yang susah. Ini benar, Dato' Pengerusi, kerana passport-lah satu daripada perkara yang susah. Ini terjadi kepada saya. Saya

hendak ambil passport tempat kita ini, di-Kuala Lumpur, saya kena queue sampai tiga suku jam. Saya sunggoh pun Member Parlimen, saya mahu queue sama orang ramai, ternanti² sampai masa, tidak sampai juga. Walhasil saya tengok, kerani itu berulang alek, berulang alek. Sa-orang budak Singh, sa-orang China, dua orang menchari file tidak dapat. Pada saya, wakil Parlimen di-buat bagitu, bertambah pula orang asing. Di-sini, di-hadapan hidong kita pun kelakuan mereka bagitu, kalau sa-kira-nya di-Singapura, di-Geneva, di-Moscow, saya tidak tahu, macham mana kita hendak tarek pelanchong ka-tanah ayer kita. Ini-lah, semua penoh dengan red-tape. Saya kenal Enche' Ibrahim Ali. Kalau saya pergi berjumpa, dua minit sahaja saya boleh selesai untuk saya, tetapi bagaimana untuk orang ramai? Kebetulan, Dato' Pengerusi, saya patut menyatakan di-sini bersama² dengan saya ada orang luar juga, orang datang dari Taiwan. Kata kerani itu, esok datang, dia dapat passport. Esok-nya betul² sama saya ada nanti passport yang kebetulan dia datang semalam lagi, dia tidak dapat, dia suroh datang esok kapal terbang berjalan pukul 5.30 petang. Budak itu pergi mari, pergi mari, dua orang chari file tidak dapat. Jadi, Tuan Pengerusi, dia ada index menimbun², tidak ada sistem. Chuma Tuan Pengerusi, pergi tengok sendiri baharu tahu. Betul perjalanan-nya tidak terator, tidak lichin. Jadi, macham mana orang hendak datang ka-negeri kita. Ini satu daripada stumbling block. Saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian yang teliti di-atas perkara ini. Gaji hendak lebeh, kerja kurang, apa ma'ana orang ini!

Dato' Pengerusi, muka 137—Majlis Penyelidikan Bijeh Timah Antarabangsa perbelanjaan sa-banyak \$200,000. Ini pun saya kurang faham dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Bijeh kita keluar daripada Lembah Kinta, Dato' tahu-lah, negeri Dato' sendiri. Penyelidikan-nya ada di-London, di-New York, kenapa tidak ada di-Kuala Lumpur ini, senang sahaja chari duit. Tiap² pelombong kita kutip cess-nya. Kita

kutip cess hantar ka-London. Mengapa Amerika tidak bawa cess-nya ka-Kuala Lumpur ini? Lama mana, saya rasa mesti satu hari besok nanti penyelidekan ini mesti ada di-pokok, bukan di-hujung-nya. Saya tidak faham langsung perjalanan Kementerian ini, dan umpama-nya keluaran getah kita banyak, mengapa Jalan Parlimen ini tidak di-buat dengan rubberised. Katakan dan tulis rubberised, semua orang boleh tengok, kuat-kah, baik-kah, lembut-kah, sedap tidak sedap, kita naik motor di-atas jalan rubberised. Ini mesti kita buat di-Kuala Lumpur, jangan kita buat di-London, atau pun di-Melbourne. Ini-lah perkara² yang saya kurang puas hati.

Tuan Pengerusi, saya berpaling kepada B. 13. pertunjukan

Tuan Pengerusi: Saya dengar B. 13 ini sudah berpuluh kali (*Ketawa*).

Tuan Tajudin bin Ali: Tidak usah sebut lagi B. 13 itu, baik, minta ma'af. Pertunjukan dan Pameran Perdagangan di-muka surat 137 di-Pechahan-kepala 12 sa-banyak \$5,000. Saya dengar pehak Yang Berhormat Menteri tadi hendak memajukan perniagaan pertunjukan pameran di-merata². \$5,000 kita boleh buat apa? Kalau perbelanjaan ini chuma lekat di-chelah gigi sahaja. Saya dengar jiran kita mengeluarkan \$2 juta, kerana perbelanjaan New York World Fair \$2 juta dia berbelanja. Jadi, saya hendak mendatangkan shor di-sini, Tuan Pengerusi, kapada Yang Berhormat Menteri, kalau dia susah sangat chari duit, mengapa tidak pergi kapada ahli² pekilang suroh keluar duit banyak, tolong keluar duit sa-banyak sedikit pass the hat round, kutip duit, chari duit sa-kurang²-nya \$1 juta boleh-lah kita buat pertunjukan dan pameran yang lebeh baik. Jadi, perdagangan kita akan berjalan lebeh baik daripada yang ada sekarang ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, muka surat 121, Butiran 1 sa-banyak \$36,000. Perkara ini sangat-lah tidak memuaskan hati kita sakalian, kerana barang² naik sangat di-negeri kita ini. Sa-belum perang, Tuan Pengerusi, maseh ingat

harga tepong gandum 6 sen sa-kati, sekarang 20 sen dan 25 sen sa-kati, gula dahulu dua kati 15 sen, sekarang 33 sen, yang 33 sen itu jadi 35 sen pada orang kampung mesti tidak ada duit tukar. Jadi, saya kebetulan, Tuan Pengerusi, satu hari berada di-kilang tepong gandum di-Lumut. Saya tengok belting itu memusing, tiap² second dia memusing dan dia bawa

Tuan Pengerusi: Apa yang berpusing? (*Ketawa*).

Tuan Tajudin bin Ali: Belting yang bawa tepong gandum itu, jadi boleh di-katakan tiap² second memusing. Harga satu guni tepong gandum hari ini di-pasaran, Tuan Pengerusi, ia-lah \$8.20. Jadi, kawan saya dari Kuala Lumpur mengatakan sa-orang importer yang besar kata, tengok tuan, dia pusing. Tiap² beg, Tuan Pengerusi, pekilang itu dapat net profit (untung berseh) sa-banyak \$1.50. Itu untung berseh, tolak kotor, tolak gaji manager, tolak gaji director, tolak semua, untung berseh pada tiap² beg, tiap² guni \$1.50. Jadi, saya tidak tahu, semua orang kata hisap darah betul² sa-tengah² perniagaan di-negeri kita ini.

Saya dengar daripada pehak Kementerian kadang² pergi-lah sa-kali sa-kala menangkap orang, menjual barang² mahal, tetapi tangkap itu satu daripada boleh kata lima ribu. Ini-lah saya tidak puas hati langsung.

Jadi, kalau sa-tengah² negeri orang² yang mengambil untung, mengambil kesempatan pada perengkat yang sengkak ini atau yang susah ini, Tuan Pengerusi, boleh di-tembak, dan telah pun di-tembak. Jadi, saya harap Kerajaan mengambil perhatian yang berat. Saya tidak hendak katakan perkara² macham kilang tepong dan sa-bagainya di-nasionalaiskan—tidak, bukan dasar Kerajaan kita, dan saya sendiri tidak bersetuju, tetapi kita buat atoran dan peratoran yang lebeh baik sedikit lagi. Bukan chakap sahaja, katakan ada price tag—this does not work, ini tidak boleh jadi langsung pada orang² ini. Saya harap Menteri pegang telinganya, katakan perkara ini tidak boleh jadi, mesti murahkan harga barang² untuk kepentingan ra'ayat, terutama

sa-kali harga getah sudah jatuh dan ra'ayat jelata menderita. Saya harap Menteri mengambil perhatian yang lebih berkesan dan lebih terator lagi terhadap pekilang² yang dikeluarkan barang² makanan yang begitu mahal, seperti tepung, gula dan beras.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.25 petang.

Persidangan di-sambongkan sa-mula pada pukul 5.40 petang.

Majlis Meshuarat Menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

KEPALA B. 13—

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, in supporting the provision of \$5,441,582 for the Ministry of Commerce and Industry, I would like to refer to the "Bahagian Perusahaan" in page 123 of the Estimates. I have already spoken of the dynamic progress of my constituency of Bagan as an industrial centre for Northern Malaya and yet it is ironical, Sir, that unemployment there is still on the increase. The latest figure obtained from the Labour Exchange is 10,000 strong, and my constituents have always been shouting most vehemently that "there is work here, there is work there, there is work everywhere, but there is no work to offer us in Butterworth". Sir, we have heard of big industries being established in the Mak Mandin area and also in Prai, and even during the last week-end our Honourable Minister of Commerce and Industry was invited to open an extension to the Ming Ngai Knitting Factory in Butterworth. But yet the unemployment figure is still as high as ever. Sir, I do not blame the thousands of young men and women for being disappointed and indignant, because every time they made an application they were told that there was no vacancy in these establishments. Sir, I hope the Minister of Commerce and

Industry would consider making a policy for these industries that are established in Butterworth to make use of a certain percentage of the workers from Butterworth. I realise that the Minister of Commerce and Industry would say that as long as they use local people, no matter from where they come from, that would satisfy his Ministry. But, Sir, I ask the Minister to consider the plight and also the cry of the people of Butterworth. I am sure it would be more advantageous to the management of these industries to make use of these people because of the convenience of their staying locally and of their knowledge of the area. Sir, these are some of the factors any good employer would consider when he takes in employees, but I fail to understand, therefore, why these industries are still reluctant to take in those people who stay in that local area. So I hope, Sir, the Minister of Commerce and Industry would help in this respect. If he cannot make a policy for these industries to give a definite quota to the people of Butterworth, at least he could help by requesting these industries to give more consideration to the people of Butterworth.

Sir, another subject I would also like to touch on in respect of the same sub-head, that is, Industries in Butterworth, is the unfair treatment given to the United Malaysian Flour Mill Ltd (Butterworth). I know this new flour factory has already started to operate and to produce the amount of flour required for the use of their sister companies only. Sir, here I must say that this factory is not allowed to sell its flour in the open market—that is the condition under which it is allowed to operate—and on this account the Mill cannot go into full operation. I understand that this Mill only works for eight hours a day and only for six days in a week. Sir, this company has put in capital, I believe, as much as the other flour mills which have been given every protection by the Ministry of Commerce and Industry and yet this company is not allowed to sell its flour in the open market. I am sure, Sir, that the policy of the Government is to industrialise our country as far as possible, and this is one of the major

industries in the Mak Mandin area but obstruction is yet being put in the way, and the Ministry is obstructing this major industry from operating in full in the Butterworth area. If this United Malaysian Flour Mill were allowed to sell its flour in the open market, I am sure it could employ not less than 2½ times more the number of employees it now has. I feel, Sir, that our purpose in industrialising the country is to give more employment to the people, and I feel, Sir, this is the case where this company can employ at least 2½ times the number of employees it is now having. I feel, Sir, that the Minister will consider relaxing this condition and allow this Mill to sell at least some quota of its product in the open market, so as to help solve at least part of the unemployment problem in Butterworth.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun memberi sokongan penoh peruntukan yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan dalam Dewan ini. Dato' Pengerusi, seperti mana banyak Ahli² dalam Dewan ini telah menerangkan, ia-itu di-dalam negara kita ini banyak kilang² perusahaan telah di-diri dan di-bena, pula kilang² perusahaan ini kita beri berbagai² perlindungan supaya mereka itu dapat berdiri, dapat berniaga dengan baik, sa-tengah²-nya untuk menjaga barang² keluaran kilang² yang di-dalam negara kita ini, kita menaikkan pula cukai², atau hasil² barang² impot daripada luar negeri.

Dato' Pengerusi, saya berchakap dalam Bahagian Perusahaan, ia-itu muka 123, minta ma'af, saya terlupa hendak beritahu, tetapi apa yang saya hendak berchakap di-sini, Dato' Pengerusi, ia-lah mutu²: barang keluaran di-kilang² dalam negeri kita ini sendiri. Di-sini saya suka beri satu atau dua chontoh yang telah saya lihat dengan sendiri; dan saya mengalami, saya rasai sendiri, barang² yang di-keluarkan di-dalam kilang kita seperti mana kilang² buat tayar, ia-itu tayar Good Year, dan tayar Dunlop dan kilang membuat ayan, di-sini seperti mana kita, kerap kali menggalakkan, ia-itu

ra'ayat² dalam negeri ini mesti membeli barang² keluaran kita, tetapi, Dato' Pengerusi, dengan sebab mutu-nya sangat jauh bedza daripada barang² yang di-buat di-England dan di-luar² negeri sa-bagaimana kita tahu, tayar Dunlop dan tayar Good Year juga ada kilang²-nya di-England dan sharikat ini juga mendirikan kilang²-nya sendiri dalam negeri kita ini, dan kita telah menaikkan cukai barang² yang masuk di-luar negeri untuk hendak melindungi barang² yang di-buat di-dalam negeri kita ini, tetapi kalau mutu-nya tidak di-baiki, barang-kali bukan sahaja tidak tegap-nya kilang² yang ada di-dalam negeri kita ini, tetapi akan menjadi kesusahan kepada ra'ayat², yang menggunakan barang² keluaran, dalam negara kita sendiri, seperti mana tayar, Dato' Pengerusi, kalau kita beli tayar daripada luar negeri yang sekarang ini lebih mahal tayar luar negeri daripada tayar kita, kerana kita telah menaikkan cukai, boleh kita pakai sehingga 20,000 batu lebih, tetapi tayar kita yang buat di-sini barangkali sa-kuat-nya² sa-lama² kita boleh pakai 12,000 atau 13,000 batu; itu pun untong baik, kalau tidak, tak sampai dua bulan tayar-nya melembong, tembak, putus benang—saya sudah tiga kali terjadi perkara ini sa-masa saya pergi meshuarat di-Kuala Lumpur; saya pakai tidak sampai satu bulan, sudah tembak; inilah, Dato' Pengerusi, yang saya kata, saya minta supaya kita dapat mengarah, membaiki tayar² dan barang² yang di-keluarkan di-dalam kilang² kita. Saya dapat tahu di-sebabkan barang² ini dapat kurang baik, ia-lah kerana majikan² ini telah memaksa satu² orang menyudahkan tayar dalam sa-hari beberapa² banyak. Maka dengan sebab ini-lah pengeluaran ini kita dapat tidak begitu baik dan jauh sangat bedza mutu-nya daripada barang² yang di-keluarkan oleh negeri lain.

Lagi satu yang saya sebut tadi ia-lah ayan, Bombong ayan ini, Dato' Pengerusi, banyak ra'ayat² dalam kawasan saya telah bersungut orang² kampung telah membeli ayan, ia-itu tidak sempat di-pakai lagi, telah naik merah dan berkarat, belum lagi di-pakai tidak sampai dua bulan, di-simpan sahaja, telah naik merah dan berkarat. Baharu²

ini saya di-jemput oleh sa-buah sharikat gaji papan, ia-itu di-Kulim Tai San Saw Mill yang memberitahu kepada saya, dan di-tunjok ayan² yang di-beli daripada sa-buah kilang ia-itu bernama, Southern Iron and Steel Factory, Nibong Tebal, ia-itu lebeh kurang \$10,000 ayan² ini di-beli sa-belum dipasang habis lagi, sudah berkarat dan sudah keluar sador² aluminium. Per-kara ini-lah, Dato' Pengerusi, yang saya berchapak ini menyusahkan kita dan kita sentiasa menggalakan ra'ayat² dalam negara kita ini minta membeli barang² yang di-keluarkan oleh kilang² dalam negara kita sendiri, tetapi bukan sahaja barang² ini mahal daripada barang luar negeri, pula menjadi kesusahan kepada ra'ayat². Maka inilah saya harap-lah supaya Yang Berhormat Menteri mudah²an dapat memberi arahan dan dengan apa chara pun supaya dapat membaiki mutu² barang² keluaran dalam negara kita. Sekian, terima kaseh.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan atas perbelanjaan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Pada muka surat 121, Butiran (1) dan (2) berhubung dengan Menteri. Saya berpendapat Kementerian Perdagangan ini ia-lah tempat melatch anak bumiputera dalam perniagaan. Saya berharap bagi pehak Yang Berhormat Menteri tidak keberatan supaya dapat memberi peluang kepada sa-orang bumiputera menjadi Menteri Muda Perdagangan, kerana saya tengok dalam Anggaran Perbelanjaan ini memang ada peruntokan-nya. Tuan Pengerusi, kira-nya bagi pehak kita yang di-atas tidak dapat menunjokan kerjasama di-antara bangsa, rasa saya bimbang-lah bagi pehak ra'ayat jelata yang di-bawah hendak menunjokan kerjasama menjalankan satu² kerja. Ini harapan saya, kerana bagi pehak orang Melayu sangat-lah jauh ketinggalan dalam perniagaan. Saya mohon supaya sa-orang Menteri Muda daripada bumiputera dapat di-lantek bagi Yang Berhormat Menteri dapat menolong perniagaan² orang² Melayu dan saya tahu Yang Berhormat Menteri sekarang tidak dapat dudok di-dalam negeri ini selalu, selalu keluar negeri. Jadi

sangat-lah susah, kalau kira-nya ra'ayat hendak berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri, selalu Menteri tidak ada di-dalam negeri.

Muka surat 122, Ranchangan Menanam Sa-mula, sunggoh besar pemberian yang telah di-beri kerana menanam getah sa mula ini, ia-itu \$750 satu ekar. Kapada mereka² yang ada kebun kechil bagi menanam sa-mula tetapi, Tuan Pengerusi, bagi pehak orang² kampung, rasa saya, maseh lagi kekurangan kira-nya \$750 pemberian ini saya chadangkan supaya dapat di-tambah kapada \$850 tiap² satu ekar, kerana katakan-lah sa-orang ada lima ekar kebun getah, tiga ekar itu di-tanam sa-mula, tinggal sahaja tempat menchari makan-nya dua ekar. Kalau dengan harga getah yang ada hari ini, maka tuan kebun itu tidak dapat hendak bergantung pada mata pencharian untuk nafkah hidup dia. Kalau tidak silap saya, wang ini pun bukan-lah wang daripada mana², tetapi wang daripada ahli² pekebun itu sendiri. Jadi, rasa saya, tentu-lah tidak keberatan bagi pehak Kerajaan menambahkan peruntokkan ini.

Muka surat 141, Pechahan-kepala 99—Charum kapada Persatuan² dan Pertubohan² Pelanchong, Tuan Pengerusi, bagaimana yang di-terangkan sa-tengah² sahabat saya tadi pelanchong ada-lah satu daripada menjadikan hasil negara bertambah di-dalam sa-sa-buah negara, kira-nya pelanchong² daripada luar negeri ramai datang ka-negeri itu. Jadi negeri kita ini berkehendakan sangat pelanchong² datang daripada luar negeri. Saya dahulu telah menchadangkan pada Yang Berhormat Menteri supaya di-Gunong Ledang sana dapat di-jadikan tempat pelanchong, tetapi hingga hari ini tidak ada dapat tanda² tempat itu di-jadikan tempat pelanchong kerana di-Gunong Ledang ada Tuan Putri Gunong Ledang, Tuan Pengerusi, dan ada ayer terjun yang chantek. Memang tertarek orang² luar negeri hendak melawat ka sana.

Tuan Pengerusi: Tuan Putri itu sa-orang sahaja bukan? (Ketawa).

Tuan Abdul Karim bin Abu: Sa-orang. Tuan Pengerusi, sa-kira-nya

Yang Berhormat Menteri memandangkan Gunong Ledang ini berat sangat hendak menjadikan tempat pelanchong, ada lagi satu tempat di-Melaka untuk di-jadikan tempat pelanchong, ia-itu di-Pulau Besar. Kalau di-sabelah utara, kita banggakan dengan Pulau Langkawi, tempat Mahsuri, tetapi di-Pulau Besar, kita boleh banggakan dengan Keramat Pulau Besar, Keramat tempayan dan banyak lagi keramat² di-sana. Dan keindahan Pulau Besar, saya minta-lah Ahli² Dewan di-sini, kalau siapa yang belum pergi, kalau pergi harus tidak mahu balek, memang chantek. Jadi kira-nya Pulau Besar ini di-jadikan tempat pelanchong, saya rasa akan menambahkan lagi hasil, terutama sa-kali bagi negeri kami di-Melaka; hanya kami minta kepada Yang Berhormat Menteri, kalau hendak menggalakkan pelanchong² datang ka-negeri kita ini, hendak-lah menambahkan peruntokkan yang bagini kechil, hanya \$20,000 sa-patut-nya lebeh banyak lagi supaya dapat kita membangunkan hotel² yang besar di-dalam negeri ini, kerana orang² yang datang daripada luar negeri umpamanya orang² Amerika, kalau-lah katil yang ada di-dalam negeri ini panjang kaki daripada katil, tidak cukup dia punya besar katil itu, jadi, Yang Berhormat Menteri kena-lah kaji supaya dapat orang² luar negeri sesuai dengan besar bangsa itu dan saya perchaya kalau ada tempat yang sesuai, tempat tidor, tentu-lah orang² daripada negeri luar, umpama-nya Amerika ini selalu datang ka-mari. Terima kaseh.

Tuan Siow Loong Hin (Seremban Barat) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, referring to Sub-head 99, under the Ministry of Commerce, on "Contribution to FIDA for Administrative Expenses", I would like to say here, that industrialisation has been now the keyword for development of this country's economic sector.

We fully agree with the Government's policy on this. Though the Government has employed an expert in the set up of FIDA for the development of industries in this country, I wonder, Mr Chairman, Sir, what this expert has been doing so far. Industry

so far has been centred in Batu Tiga near Kuala Lumpur and in other places like Taiping, and probably starting up in Penang. I would like to state here that in the State of Negri Sembilan we have spent quite some money on the industrial site at Senawang and we do not have any industry there as yet. Senawang can be said to be the Cinderella of the industrial programme in this country. No doubt, it can be said that this is a State matter and the State should do everything it could to promote industries to go into Senawang, but I am quite sure that the Honourable Minister will agree with me that the industrialisation programme in this country is a nation-wide programme—it cannot be confined only to a State. It can also be said that unless we can get local capital and encourage people to go into an industrial site we cannot lay the blame on the Federal Government. I do not think at this stage we are laying the blame on the Federal Government nor the Federal Government would lay the blame at the door of the State Government. But I think what the State Government would like very much is for the Ministry of Commerce to give it not only encouragement in terms of getting industries to go into Senawang but the promotion of a programme of getting industries to go over to an industrial site. This is important, Mr Chairman, Sir, because otherwise how can we say we are going into industrialisation in the country as a whole, if industrialisation is only to be confined to one particular area. I, therefore, appeal that the Honourable Minister would find ways and means through incentives, through encouragement to get industries to be broad-based. We would also like to know in this country what this expert for FIDA is planning, what are his plans for the future, in terms of primary, secondary and tertiary industries. How are we going to proceed towards this end? As far as we can see today, we have heard nothing so far from this expert who is engaged for FIDA, and we hope in the near future something would come out of it.

My second reference, Mr Chairman, Sir, is to the section on Industries

Division. I must say here that the Ministry of Commerce has done very well in this sector, in view of the fact that it has reported the other day \$213 million foreign capital has come into this country for industries. Now, we agree completely with him that when we have foreign investment we should give every encouragement for foreign participating industries to be set up. What I feel, Mr Chairman, Sir, is that though we agreed in giving special privileges or special conditions for these foreign investments to come here, at the same time we should be concerned with the price of consumer goods. At the present moment, we all know that certain consumer goods in this country like flour or sugar has been enjoying quite a high price for quite some time. To what extent would these industries that have been set up in this country for a couple of years be prepared to lower the price of their commodities? For example, flour. I was given to understand—the Minister can correct me later when he replies—that the Malayan Flour Mill, for instance, is selling its flour at \$8 per bag. The Federal Flour Mill is selling its flour at \$7.75 per bag; and, of course, we have a third flour mill, the United Flour Mill, which does not have a licence to sell in the open market but only to supply its subsidiary branches in making biscuits. The Malayan Flour Mill, Mr Chairman, Sir, I was given to understand, is a foreign company from Hong Kong, with more than 90% of foreign capital. Now, first and foremost, how could this flour mill be given pioneer industry status in this country. At the same time it has been said that this flour mill does not even engage local transport to transport their goods in this country. All their operation more or less is self-contained. Even the making of bags for the flour is by themselves. Mr Chairman, Sir, the consumers would like to have cheaper products. Basing on the production of these flour mills today, the Malayan Flour Mill produces 350 tons per day, and the Federal Flour Mills produces 120 tons per day. By judging on some of the companies' report of flour mills existing

at the time before the separation of Singapore, it was reported that even by selling flour at \$6.50 per bag a company with a capacity of 120 tons per day, would earn something like \$1.5 million a year. Judging on these figures, if a flour mill has a capacity of 350 to 400 tons per day, one can imagine the amount of profit the company could make. Now, I am not against these companies making money. I think they should because they are investing capital. But I think there should be a limit. There should be a time factor in which these companies, because of the pioneer industries privileges given to them, can regain their capital. But, surely, there must be a time factor in which the consumer would know that he will have cheaper goods to buy. I was given to understand, Mr Chairman, Sir, that flour could be produced at \$5.70 per bag at cost. Now, basing on that, it would mean that they would make about \$2.30 per bag. Transportation costs only 10 cents per bag; so they would still make a profit of \$2.20 per bag. I see the Honourable Minister is smiling, probably my figures are not quite correct. However, he will have to reply on it.

The next thing, Mr Chairman, Sir, is on sugar. I know that this has been a pet complaint of the public for long. I would say the Minister of Commerce has done his very best to try and control the price of sugar. However, at that time it was said that the price of sugar in the international market was high and it fluctuates quite often. But basing on the present price now, which has been maintained for a couple of months at £25 a ton, and basing on the fact that these factories have stocked sugar for three months, even at a slightly higher price before, surely at £25 a ton the price of sugar today would not be at 35 cents—it would be less. It would mean that these companies, like the refinery at Prai, are making a huge amount of profit from the pioneer industries status which was given to them. We have a second sugar factory here—the Central Sugars—and it was said that the Central Sugars production is being sold to the Prai

Refinery. In other words, Prai Refinery has a monopolistic cartel on sugar in this country. Now, surely, if the two refineries could sell their sugar in competition, I am quite sure the price of sugar would be much cheaper.

Coming back to this question of sugar, Mr Chairman, Sir, there has been many enquiries made about sugarcane plantation, but officials of the Ministry have always discouraged this question of sugarcane plantation, saying that in most cases the land is not suitable for planting sugarcane in this country. But I was told that an experimental plot has been planted with sugarcane somewhere in Perak and they found it to be very suitable with clone No. NCO. 310. Now, in terms of foreign exchange, according to the Statistics Report given in 1966 we spent \$55 million in foreign exchange to buy our raw sugar. In 1967 we spent \$30 million plus—the figures are not complete as yet. But if we encourage a large sugarcane plantation in this country, would it not then save this amount of foreign exchange, because these refineries are buying raw sugar. At the same time a sugarcane plantation would be a labour intensive industry. If one were to base the amount of employment by these refineries one would come on to the figure of .001, but in terms of a plantation it would work out at $\frac{1}{4}$ man per acre. If you have a 10,000 acre plantation, that means you can have about 5,000 people employed, and employment in the sugar plantation would normally not be a full time one. In other words, those who are working in sugar plantation would still be employed in other part-time jobs. I hope the Minister of Commerce and Industry, though he may have very sound reasons to give later on this point of argument, would encourage the question of sugarcane planting in this country because it has been found, though experts may disagree, that this type of cane could be planted in this country and surely this would help a great deal not only in the saving of foreign exchange, as I said just now, but also create an industry that is labour intensive.

I must say here, Mr Chairman, Sir, that we must congratulate the Minister of Commerce for the quick action he has taken in the question of price control recently in the case of some shops where they have been fleecing the public. At the same time, this Ministry has also set up a Standardisation of Goods Committee which looks after the proper standards in the manufacturing of goods. In this connection, I would like to mention about the bread that is being manufactured in this country—bread manufactured by a reputable firm called the Cold Storage, which is well known to every one. If one were to buy a pound loaf of bread, first and foremost one can be assured that it will not be one pound, it will be something around 12 ounces. Secondly, if one were to cut the bread open, one would find it is not full. In other words, this so-called reputable firm, whether the managements are aware of it or not, something is going on in the bakery, where people are probably hijacking the flour away or there is a deliberate attempt in swindling the public by not giving them their money's worth for a pound loaf of bread. Now, this is very important, because bread is again one of the very essential commodities, which normal ordinary working people in the kampongs and rural areas eat. Now, if these firms could be checked, not only in whether they have shown price tags on the goods but in the manufacture of these goods, and by checking the standards we would be protecting the public in their being given the value of a pound loaf of bread for what they paid for. I hope the Minister of Commerce and officials in the Ministry would take some steps to look into this matter, because it has been affecting a lot of rural people and there have been a lot of complaints about the way bread is being manufactured in this country.

Lastly, Mr Chairman, Sir, I would say here that the Minister of Commerce has done a tremendous amount of work and I think we should congratulate him for being able to resolve the rice situation which at one time was very acute. But despite the fact of all

that he has done, there have been recent reports in the papers that though the Government is subsidising and guaranteeing the price of padi at \$16 per picul, the millers are now buying at a higher price; this would therefore automatically raise the price of local rice. To what extent the Honourable Minister of Commerce and Industry could do something about this? We are importing rice today and of course the price of imports could not be effectively controlled by us, but surely he could do something to control the price of local rice in this country, because, after all, there might come a time when probably we could not afford to pay a high price for imported rice but we could still subsist on the rice that we produced locally. The Honourable Minister of Agriculture said that probably in a matter of a few years' time, we could be self-sufficient if we have double cropping. I think that is very good news, but at the same time, I hope the Minister of Commerce and Industry from his angle would be able to control the question of price fixation or price manipulation by these people to boost up the price of local padi, which automatically boosts up the price of local rice. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Dato' Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam perbahathan mengenai Bekalan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Yang pertama, Dato' Pengerusi, saya berasa hairan mendengar telatah Ahli Yang Berhormat dari Batu yang telah pun berchakap dalam Dewan Yang Berhormat ini mengatakan bahawa peruntokan bagi Bahagian Pelanchongan tidak begitu chukup dan menu-doh bahawa Yang Berhormat Menteri tidak mengambil berat mengenai perkara pelanchongan. Saya anggap Ahli Yang Berhormat dari Batu itu sa-bagai "talam bermuka dua", atau pun sa-bagai "musang berbulu ayam". Sebab pun saya kata begitu, Dato' Pengerusi, manakala pelanchong² datang ka-negara kita ini, khas-nya tentera² Amerika yang berchuti, yang mereka ingin, datang ka-negara kita untuk

berehat, melanchong ka-negara kita, dan di-pileh Pulau Pinang sa-bagai tempat pelanchongan mereka itu. Malang-nya Ahli² daripada Parti Yang Berhormat Wakil Batu itu sendiri, ia-itu Ahli² Parti Buroh, buat tunjok perasaan dan menulis di-tiap² tempat yang boleh di-tulis "go home Yankee, you are not wanted here".

Jadi, saya berasa hairan, kalau Yang Berhormat itu bersunggoh² hendak menggalakkan pelanchongan, lebih baik-lah Ahli Yang Berhormat itu menasehatkan Ahli² Parti Buroh jangan buat kelakuan yang sa-macham itu. Dengan chara yang sa-demikian, Dato' Pengerusi, tentera² Amerika sekarang, juga orang² pelanchong daripada luar negeri enggan datang ka-Malaysia ini untuk melanchong. Jadi, ini satu perkara yang saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Batu supaya mengambil langkah yang tegas menasehatkan kepada Ahli²-nya jangan membuat angkara yang sa-macham itu, yang akan merugikan negara kita sendiri.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya ingin berchakap muka 122, Rancangan Menanam Sa-mula. Saya difahamkan ada peruntokan mengenai Rancangan Menanam Sa-mula ini, ia-itu memperbagaikan tanaman. Sa-kira-nya sa-bidang tanah getah yang tua mithal-nya, yang sesuai untuk di-jadikan sawah padi, maka Bahagian ini akan memberi bantuan. Saya ingin mengshorkan supaya Kerajaan meng-adakan banyak peruntokan bagi Baha-gian ini supaya membolehkan ladang² getah yang sesuai untuk di-jadikan sawah padi, di-beri bantuan kepada mereka² yang ingin menukar daripada getah kepada sawah padi, sebab di-kawasan saya sendiri sa-luas lebih kurang 3,000 ekar tanah getah pada masa Jepun dahulu di-usahakan, sekarang sudah menjadi satu kawasan sawah yang chukup baik, dan keluaran padi sangat memuaskan. Jadi, sa-kira-nya ada di-kawasan² yang sesuai untuk di-jadikan tanah sawah, patut di-beri sokongan, bantuan dan galakan dengan sa-penoh-nya mudah²an dapat kita menchukupi beras bagi negara kita

sendiri dan yang lebeh-nya dapat kita eksport ka-luar² negeri.

Yang ketiga, Dato' Pengerusi, ia-lah mengenai perusahaan, muka 123. Saya mengshorkan supaya Kementerian ini mengadakan satu peruntokan dan mengadakan kempen sa-chara besar²an untuk menggalakkan warganegara kita menggunakan barang² buatan daripada dalam negara kita sendiri dan juga memakan barang² makanan buatan daripada negara kita sendiri. Ini akan membolehkan negara kita menyelamatkan wang supaya tidak payah kita membeli barang² daripada luar negeri dan kita selamatkan pertukaran wang. Ini-lah satu perkara yang sangat mustahak dan di-harap supaya Yang Berhormat Menteri akan bersunggo² mengadakan kempen, kata-lah minggu Penggunaan Barang² Buatan Kita Sendiri dan memakan barang² keluaran kita sendiri.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya merayu-lah pada Yang Berhormat Menteri mengenai quota barang² keluaran dalam negara kita ini, ia-itu barang² keperluan khas-nya beras, gula dan tepung. Saya berharap Yang Berhormat Menteri memberi pertim-

bangkan yang istimewa kepada pemohon² daripada bumiputra melalui Dewan² Perniagaan Melayu seluroh negara kita ini yang mana mereka dapat menunjokkan orang² yang sang-gup menjadi pembahagi² barang² keperluan, atau wakil pembahagi barang² keperluan kepada Ahli² mereka itu sendiri. Jikalau kita dapat meluaskan lagi, membanyakkan lagi wakil² pembahagi barang² keperluan ini, maka dapat-lah barang² itu di-sampaikan kepada ra'ayat jelata dan dapat-lah bumiputra sendiri dari sa-masa ka-samasa belajar chara² berniaga, mudah²an dapat maju dan jaya pada masa hadapan. Terima kaseh.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan, 1968 telah sampai pada Kepala B. 13—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dalam Jadual Rang Undang² ini. Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 9.30 pagi besok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.